

Wilayah KU

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 129 ● 20 - 26 OGOS 2021 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akhbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

Bantuan dari peruntukan kewangan kerajaan PN diteruskan - KSN

NAZWIN NAZRI

PELETAKAN jawatan Perdana Menteri dan seluruh kabinet Perikatan Nasional (PN) pada 16 Ogos lalu sedikit sebanyak meresahkan golongan rentan yang mengharapkan sokongan kerajaan seperti Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan i-Citra.

Rata-ratanya mengandaikan bantuan seperti BKC yang sepatutnya disalurkan pada bulan ini, dihentikan.

Malah kegusaran itu berterusan walaupun Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah perkenan supaya Tan Sri Muhyiddin Yasin

menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri *Caretaker* sehingga Perdana Menteri baharu dilantik.

Ia berikutnya, Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan secara khusus mengenai fungsi dan peranan Kerajaan *Caretaker*.

Menyedari keresahan yang dialami golongan rentan berkenaan, Ketua Setiausaha Negara (KSN), **Tan Sri Mohd Zuki Ali** memaklumkan, dalam hal yang demikian, Kerajaan *Caretaker* boleh mengambil tindakan bagi maksud



MOHD ZUKI

menjalankan urusan pentadbiran kerajaan.

“Walaubagaimanapun, Kerajaan *Caretaker* tidak boleh membuat apa-apa keputusan dan dasar yang boleh mengikat atau mengambil apa-apa tindakan yang boleh memberi implikasi

kewangan mahupun membebangkan kerajaan baharu yang bakal dibentuk, melainkan tindakan itu perlu dilaksanakan demi kepentingan awam,” jelasnya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, Mohd Zuki berkata, bagi maksud itu, Kerajaan *Caretaker* boleh menjalankan

tugasas rasmi rutin termasuk menjalankan kuasa yang diberi di bawah undang-undang bagi memastikan jentera kerajaan berfungsi.

Pada masa sama, katanya, mesyuarat rasmi berhubung urusan pentadbiran kerajaan boleh diadakan di samping meneruskan pelaksanaan dasar serta program sedia ada yang mana peruntukan kewangan baginya telah disediakan seperti Program Imunisasi Kebangsaan (PICK), Pelan Pemulihan Negara dan juga bantuan lain sebelum tarikh Perdana Menteri meletakkan jawatan.

“Kerajaan *Caretaker* boleh

membuat apa-apa perjanjian, kontrak dan aku janji yang mana dasar telah diluluskan kerajaan (sebelumnya) atau peruntukan mengenainya diluluskan Parlimen seperti Belanjawan tahun semasa.

“Mereka juga boleh mengadakan dan menghadiri majlis rasmi yang dijadualkan bagi sesuatu projek atau program kerajaan,” ujarnya.

Tambah beliau, peruntukan itu adalah berdasarkan konvensyen sistem demokrasi berparlimen di negara-negara Komanwel yang mana Kerajaan *Caretaker* hanya berfungsi untuk mentadbir negara sehingga satu kerajaan baharu dibentuk. WK

Imuniti kelompok: Selepas Labuan, Kuala Lumpur menyusul BANGKIT SEMULA



ROSIDA

AZLAN ZAMBRY

KETEGUHAN Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Jawatankuasa Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) melandaikan lekuk jangkitan dan memerangi pandemik COVID-19 dilihat berhasil apabila Kuala Lumpur tampil sebagai wilayah kedua mencapai sasaran imuniti kelompok pada bulan ini, selepas Labuan

mencapainya pada 27 Julai lalu.

Kejayaan yang dicapai menerusi pelbagai kaedah termasuk pembukaan lebih banyak pusat pemberian vaksin (PPV) yang dirintis sebagai ikhtiar untuk membendung wabak tersebut juga menjadikan Kuala Lumpur sebagai antara bandaraya terawal di dunia mencapai imuniti kelompok bagi penduduk dewasa.

Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar berkata, pencapaian

itu sekali gus membuktikan warga Kuala Lumpur telah bersedia untuk beralih ke fasa seterusnya di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang membawa hala tuju untuk merancakkan kembali sektor ekonomi di ibu negara.

“Seperti yang kita ketahui, Kuala Lumpur adalah nadi kepada pembangunan negara dan usaha untuk merancakkan semula bandaraya ini akan dipergiatkan selaras dengan imejnya di samping

menjadi contoh kepada bandaraya lain dalam negara kita.

Justeru itu, program untuk ‘memerdekakan’ Kuala Lumpur daripada COVID-19 mestilah dirancang dengan teliti dari semua aspek terutama kebolehjangkitan melalui varian baharu dapat ditangani supaya ia tidak merencatkan pembangunan semula Kuala Lumpur,” katanya kepada Wilayahku pada Rabu.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Golongan B40 bakal dapat manfaat, peluang jana pendapatan - KWP

Sektor ekonomi dibuka berperingkat

DARI MUKA DEPAN

KEJAYAAN capaian imuniti kelompok dalam kalangan penduduk dewasa bakal merancakkan semula sektor ekonomi, sosial dan budaya di Kuala Lumpur seperti mana yang sedang dilalui Labuan masa ini.

Berkata mengeninya, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), **Datuk Seri Rosida Jaafar** memberitahu, KWP dan agensi di bawahnya dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) sedang meneliti proses pemulihan yang direncanakan supaya ia selaras penekanan dalam prosedur operasi standard (SOP) bagi pembukaan pelbagai sektor khususnya ekonomi.

"Sudah pasti peralihan dari Fasa 1 kepada Fasa 2 dan Fasa 3, ia masih tertakluk kepada keputusan Majlis Pemulihan Negara (MPN) dan mengambil kira pelbagai sudut termasuk kesemua nilai ambang yang ditetapkan."

"Selain daripada pencapaian kadar vaksinasi yang telah mele-

pasi sasaran, kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) dan kadar kes harian yang dicatatkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan terus diawasi bagi memberikan semangat baharu untuk warga kota bekerja bersama-sama dalam membangunkan semula bandaraya ini," katanya.

Menurut Rosida, keputusan membuka sektor ekonomi secara berperingkat dibuat bagi mengimbangi keadaan semasa setelah imuniti kelompok berjaya dicapai malah ia perlu dilaksanakan segera kerana keberadaan warga Kuala Lumpur dan Putrajaya dalam Fasa 1 PPN adalah satu tempoh yang sangat panjang.

"Ketika ini Labuan telah mencatatkan 95 peratus imuniti kelompok untuk semua penduduk dewasa dan penduduknya sudah agak bebas untuk melaksanakan aktiviti ekonomi. Kuala Lumpur dan Putrajaya pula telah mencapai lebih 80 peratus imuniti kelompok untuk penduduk dewasa sekaligus dapat mempercepatkan pemulihan Kuala Lumpur dan Putrajaya.



KEJAYAAN mencapai imuniti kelompok melebihi 80 peratus menjadi pemangkin kepada Kuala Lumpur untuk mencerdaskan sektor ekonomi dengan segera.

"Kalau mengikut fakta, kita berada di dalam tempoh PKP bermula 1 Jun lalu sehingga kini dan ia telah menimbulkan terlalu banyak reaksi negatif dan 'feel bad factor' kepada rakyat Wilayah Persekutuan khususnya dan rakyat Malaysia amnya."

"Ia juga telah menjelaskan produktiviti dan emosi. Penyegeraan program imunisasi berjaya mem-

golongan ini menjalankan aktiviti di kawasan tumpuan awam.

Menyentuh aspek pematuhan SOP di Wilayah Persekutuan pula, beliau memberitahu, ia adalah sama dengan keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) dan MKN.

Malah beliau memaklumkan, pihaknya sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dalam memerangi wabak COVID-19 walaupun 11 sektor ekonomi telah dibenarkan.

"KWP juga mengambil maklum golongan rentan yang terdiri daripada ibu tunggal, B40 dan individu yang menjadi miskin tegar sekilip mata adalah paling teruk terjejas disebabkan pandemik ini. Oleh itu, KWP menyediakan dua program yang sedang dan akan dilaksanakan."

"Ia adalah program MYGrocer@ Wilayah iaitu peluasaan operasi trak *MYGrocer* ke seluruh lokasi projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA), dengan pemilihan usahawan diberi keutamaan di kalangan golongan B40," katanya. **WK**

Jangan takut, vaksin terbukti kurangkan risiko pesakit ICU

DIANA AMIR

PENGAMBILAN vaksin yang dikatakan membantu mengurangkan risiko jangkitan terbukti apabila kadar kemasukan warganegara ke unit rawatan rapi (ICU) hospital dilaporan semakin berkurangan.

Justeru, individu yang masih belum mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 dinasihatkan supaya tidak takut untuk mengambilnya di pusat pemberian vaksin (PPV) yang disediakan di sekitar Kuala

Lumpur dan bagi warganegara yang tidak mempunyai temu janji boleh lakukan secara 'walk-in'.

Berkatanya, jururawat Hospital Tuanku Mizan Zainal Abidin, **G Premyla** memberitahu, setiap individu perlu menyelamatkan diri sendiri terlebih dahulu dengan mengambil suntikan vaksin yang disediakan kerajaan.

Malah, beliau menasihatkan orang ramai supaya mempercayai pasukan perubatan dan petugas barisan hadapan yang akan memberikan suntikan vaksin.

"Sesetengah orang mungkin berasa bimbang kerana menonton video viral. Ramai yang tidak percaya dengan kami walaupun setiap proses dilakukan dan ditunjukkan di hadapan mereka."

"Cuba percaya dengan kami, se-



KKM telah mengambil inisiatif proaktif kesiapsiagaan ICU dan alat bantuan pernafasan (ventilator) khusus bagi rawatan pesakit COVID-19 kritikal.

bab kami cuba tolong semua orang. Apabila tiada kepercayaan, kami rasa agak kecewa dan sedih," luahnya.

Tambahnya, setiap vaksin adalah sama dan tiada istilah di mana Pfizer lebih berkesan daripada Sinovac dan sebagainya kerana setiap vaksin yang digunakan di Malaysia akan diuji terlebih dahulu keberkesanannya sebelum diagihkan kepada orang ramai.

"Mungkin sebab pemikiran sesetengah individu, bila Sinovac dari China jadi mereka mempunyai pemikiran di mana barang China tidak berkualiti.

"Bukan seperti itu, bila kita

dapat vaksin, Malaysia tidak akan bagi terus pada *patient*. Pasukan dan orang atasan akan uji dulu sebelum bagi dekat masyarakat," jelasnya kepada *Wilayahku*.

Ditanya mengenai kesan sampingan selepas mengambil vaksin, Premyla menjelaskan, ia bergantung kepada badan masing-masing yang mana setiap orang tidak akan mengalami kesan sama.

Tambahnya, individu yang sudah mengambil suntikan vaksin dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan minum air kosong yang banyak serta kurangkan aktiviti lasak supaya badan boleh memproses vaksin tersebut. **WK**



Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.

Pengalaman Ellena Razif jadi sukarelawan PriVo

SABRINA SABRE

PELUANG menjadi sukarelawan di Rumah Prihatin@ GrandSeasons baru-baru ini telah membuka mata peguam muda, **Ellena Razif** mengenai kepentingan peranan golongan muda dalam bidang kesukarelawanan.

Malah katanya, ribuan sukarelawan belia di seluruh negara sudah memberikan sepenuh jiwa dan raga mereka untuk menolak segala kata negatif mengenai bahaya terdedah dengan virus COVID-19 apabila turun ke lapangan bagi membantu masyarakat.

Dia yang menyertai Sukarelawan Prihatin turut memberitahu, PriVo berbeza dengan program sukarelawan yang pernah disertainya kerana ia berlangsung ketika musim pandemik dan dalam situasi yang merbahaya.

Katanya, meskipun terdapat kekangan dari segi pergerakan kerana perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, namun masih ramai yang ingin menyertai PriVo untuk bersama-sama turun padang dan menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.



Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Justeru, Ellena menyifatkan program seumpama itu mempunyai kenikmatan tersendiri dan pengalaman yang cukup manis kerana dapat membantu orang ramai pada musim pandemik.

Menurutnya lagi, ia mempunyai semangat tinggi serta mental yang kuat demi membantu mereka yang memerlukan bantuan dan pertolongan walaupun terdedah dengan jangkitan virus yang semakin meningkat sepanjang hari.

"Walaupun kita berada dalam keadaan pandemik, dalam keadaan SOP yang ketat, janganlah kita takut ataupun kita berasa tidak bermotivasi untuk serta sukarelawan kerana sebenarnya bila kita buat perkara sebegini pada waktu ini, pengalaman itu lebih manis. Nikmat dia lain kerana kita tolong orang pada musim pandemik."

"Kita kena pergi dan tengok sendiri wajah mereka apabila kita memberikan sumbangan, mereka sangat menghargai dan kita juga rasa kita dah membuat sesuatu untuk negara dan saya rasa itulah yang membuatkan saya lebih bersemangat setiap kali saya serta program ini sebab saya nampak impak tu memang ada," katanya ketika ditemui *Wilayahku* pada Rabu. **WK**

Imuniti kelompok yang dicapai Kuala Lumpur lahirkan rasa selamat

Warga kota sedia buka sektor ekonomi

DIANA AMIR

WARGA kota menghela nafas lega apabila Kuala Lumpur diumumkan sebagai wilayah kedua yang mencapai imuniti kelompok baru-baru ini.

Berkongsi perasaan mengenainya, **Risk Saidon**, 23, memberitahu, dia berasa lebih selamat untuk keluar dari rumah apabila Kuala Lumpur telah mencapai imuniti kelompok memandangkan ibu negara itu merupakan pusat ekonomi.

Malah, dia turut berharap lebih banyak sektor dapat dibuka semula dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

"Kuala Lumpur bandar yang sangat padat dan kalau lebih banyak ekonomi dibuka semula, kita akan lihat lebih ramai orang mula keluar dari rumah untuk pelbagai aktiviti. Jadi akan rasa lebih selamat apabila kebanyakan orang sekeliling sudah mengambil vaksin."

"Harapnya sektor-sektor ekonomi dapat dibuka semula, namun dengan SOP yang ketat. Kita risau ramai yang hilang pekerjaan kalau ia berlaku, tetapi pada waktu yang sama, kita perlu jaga keselamatan semua orang," katanya kepada *Wilayahku*.

Risk turut menasihati orang ramai untuk tidak pentingkan diri sendiri dengan menolak vaksin kerana pengambilan imunisasi itu bukan sahaja untuk melindungi diri sendiri malah keluarga, komuniti dan juga rakyat Malaysia secara amnya.

Bagi **Ahmad Azim**, 19, yang juga sukarelawan di Rumah Prihatin@GrandSeasons, penambahan pusat pemberian vaksin (PPV) antara faktor yang mendorong kejayaan mencapai imuniti kelompok dengan segera.

"Langkah itu merupakan salah satu faktor



11 sektor ekonomi mula dibuka Isnin lalu memberi sinar baru buat peniaga yang terpaksa menutup perniagaan akibat PKP yang berpanjangan.



RISK SAIDON



AHMAD AZIM



MUHAMAD NAZIRUL

terbesar yang menyebabkan kita dapat mencapai 80 peratus 'herd immunity' dengan cepat di Kuala Lumpur.

"Sebagai sukarelawan, saya akan terus berkhidmat di Rumah Prihatin sehingga kita dapat mencapai 100 peratus imuniti kelompok," jelasnya yang juga pelajar Politeknik Nilai.

Menurut **Muhamad Nazirul Rahaizam**, 25, pula, kesungguhan pihak berwajib meyakinkan rakyat telah membuatkan Kuala Lumpur ber-

jaya mencapai imuniti kelompok dalam masa yang singkat dan turut menasihati orang ramai untuk mengambil vaksin kerana setiap individu berhak menjalani kehidupan yang sihat.

Sementara itu, **Muhamad Nazmi**, 32, berkata, imuniti kelompok yang dicapai akan memberi impak positif buat dirinya yang bekerja sendiri kerana dapat beroperasi seperti sediakala.

"Tidak dinafikan bantuan pemberian vaksin kepada rakyat Malaysia perlu dipuji dan media seharusnya memainkan peranan untuk mengiklankan kebaikan vaksin agar rakyat tidak terpedaya dengan berita palsu yang disebarluaskan golongan anti-vaksin," tambahnya.

Pada Ahad lalu, Kuala Lumpur dilaporkan berjaya mencapai imuniti kelompok selepas 80 peratus penduduk dewasa lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19. **WK**

Kuala Lumpur capai 85 peratus imunisasi berkelompok

KEJAYAAN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencapai imuniti kelompok selepas 85 peratus penduduk dewasa lengkap menerima dua dos pada Ahad lalu, adalah hasil kerjasama bersepadau petugas barisan hadapan dan kegigihan petugas di pusat pemberian vaksin (PPV).

Pencapaian tersebut seterusnya menjadikan Kuala Lumpur sebagai wilayah kedua selepas Labuan, yang berjaya mencapai sasaran pada 27 Julai lalu.

Itu ucapan terakhir bekas Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annur Musa** semasa hadir menyaksikan simbolik suntikan dos kedua kepada Kader Ansari Seeni Naina Mohamed, 43, sekali gus menjadikan Kuala Lumpur mencapai imuniti kelompok mengikut sasaran yang ditetapkan.

Beliau turut menyifatkan, perkara tersebut sebagai suatu yang sangat membanggakan dan ia tidak mungkin dapat dicapai tanpa kegigihan barisan hadapan serta petugas di PPV seluruh Wilayah Persekutuan.

Katanya, dengan adanya imuniti kelompok, bilangan kes yang melibatkan kontak rapat dalam kalangan komuniti dapat dikurangkan.



ANNUR melihat suntikan terhadap individu yang menjadikan imuniti kelompok Kuala Lumpur mencapai sasaran 80 peratus.

"Kuala Lumpur pada hari ini (Ahad) telah berjaya melengkapkan 80 peratus (individu lengkap) dua dos iaitu 85 peratus daripada jumlah penduduk dewasa di Kuala Lumpur.

"Kita telah meletakkan sasaran 80 peratus dua dos di Kuala Lumpur menjelang akhir Ogos dan dengan kerjasama semua 85 peratus berjaya dicapai," katanya di RumahPrihatin@GrandSeasons pada Ahad.

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Hadir sama pada majlis itu, bekas Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Santhara; Timbalan Ketua Setiausaha (KSU) Pengurusan dan Sosio Ekonomi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Wan Ahmad Uzir Wan Sulaiman; Timbalan KSU

Perancangan dan Pembangunan KWP, Datuk Che Roslan Che Daud dan Pengarah Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan,

Datuk Dr Param Jeeth Singh. Turut hadir, Pengarah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), Datuk Mohd Ajib Ismail; Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun dan Ketua Pegawai Eksekutif RumahPrihatin@GrandSeasons, Datuk Seri Dr Junaidy Abu Bakar.

Dalam pada itu, Annur berkata, 196 PPV yang diwujudkan sebelum ini telah melaksanakan suntikan dos vaksin pertama terhadap 2,568,340 populasi dewasa Kuala Lumpur dan 1,545,395 lagi telah lengkap menerima kedua-dua dos vaksin.

Tambahnya, pencapaian itu juga telah memberi harapan kepada Kuala Lumpur, untuk melakukan persediaan peralihan ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang kini masih bergantung kepada penilaian dan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Melalui kejayaan ini, Kuala Lumpur boleh membuat persiapan untuk beralih ke Fasa 3 PPN supaya kegiatan ekonomi boleh kembali beroperasi seperti sedia kala secara berperingkat selaras dengan lebih daripada 40 peratus penduduknya telah menerima dos lengkap vaksin," katanya. **WK**

REAKSI

SAYA bersyukur apabila Kuala Lumpur telah berjaya mencapai imuniti kelompok kerana sudah rindu dengan suasana hiruk-pikuk bandaraya.



"Kuala Lumpur adalah pusat utama ekonomi, sosial dan budaya yang perlu bebas daripada wabak COVID-19 dan peratusan imuniti yang tinggi mampu membantu menyelamatkan nyawa serta mengekang penularan virus."

JUNAINAH HARUN, 50 Guru



USAHA warga Kuala Lumpur bagi mencapai imuniti kelompok telah membawa hasil. Dengan wujudnya imuniti kelompok ini, kes-kes yang membabitkan kontak rapat akan berkurangan sekali gus menurunkan angka kes harian COVID-19.

"Kejayaan mencapai imuniti kelompok ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia cakna akan keberkesaan serta keperluan vaksin."

SITI SARAH HANIM ABD LATIF, 22 Graduan



PENCAPAIAN ini amatlah dinantikan warga kota. Kami sebagai penduduk di bandar berpusat ini terjejas daripada pelbagai sudut dan berasa takut akan kes yang semakin meningkat saban hari.

"Penduduk juga pasti lebih yakin dan berani dalam meneruskan rutin harian mereka. Saya meminta individu yang masih belum divaksin haruslah tampil menuaikan tanggungjawab demi keselamatan kita dan orang tersayang."

MUHAMMAD HARIZ SAFWAN, 22 Pelajar



SEKALUNG tahniah diucapkan kepada Kuala Lumpur kerana berjaya mencapai sasaran imuniti 80 peratus. Saya berharap agar pemberian vaksin bagi negeri-negeri lain juga dapat disegerakan.

"Secara tidak langsung kita dapat mengurangkan jangkitan kontak rapat dalam kalangan komuniti. Semoga negaraku Malaysia akan terus bebas daripada wabak COVID-19 ini."

IDA FATIHA HARUN, 39 Penolong Pegawai Belia dan Sukan



SEKTOR-SEKTOR ekonomi boleh beroperasi seperti biasa dan berperingkat serta masalah pengangguran juga dapat diatasi. Pencapaian imuniti kelompok ini bukti bahawa rakyat Malaysia peka terhadap keperluan dan keberkesaan vaksin untuk mengekang jangkitan COVID-19."

NURIN AMIRA, 23 Graduan



WILAYAH PERSEKUTUAN
WILAYAH
PRIHOTIN

Akhir Ogos 2021
Wilayah Persekutuan
Mencapai Imuniti
Kelompok

MALAYSIA
Menang Bersama
#WPMERDEKA



Melawan miskin dengan bekerja



DATUK DR BUDIMAN
MOHD ZOHDİ

PEKERJAAN mempunyai pertautan yang sangat rapat dengan kemiskinan, dan juga dengan kekayaan.

Tanpa pekerjaan, kebarangkalian untuk menjadi miskin adalah cerah.

Begitu juga jika mempunyai pekerjaan yang upah kerjanya tidak setimpal. Menurut Annette Dixon, Naib Presiden Kumpulan Bank Dunia (Sumber Manusia), pekerjaan adalah penting untuk mengeluarkan seseorang daripada belenggu kemiskinan.

Satu kajian oleh Bank Dunia pada 2017 yang dijalankan di Cambodia, Mongolia, Filipinan, Thailand, Timor-Leste dan Vietnam jelas menunjukkan pekerjaan dengan pendapatan yang berpatutan menyumbang kepada pengurangan kadar kemiskinan.

Persoalannya di sini adalah tentang bagaimana mendapat pekerjaan yang boleh memberikan pendapatan yang berpatutan atau lebih daripada berpatutan?

Adakah untuk mencapai maksud itu kita perlu memilih kerja?

Tidakkah itu merupakan satu sikap buruk yang boleh menyebabkan kita tidak bekerja sehingga bila-bila?

Sebenarnya tidak salah memiliki kerja. Ahli falsafah ulung China, Confucius (551 SM -479 SM) pernah berpesan; "Pilihlah kerja yang anda suka, dan anda tidak perlu bekerja walau sehari pun dalam hidup."

Pengarang, wartawan, kolumnis dan penyampai radio terkenal British, Katherine Whitehorn (1928-2021) pula pernah mencatatkan begini: "Carilah sesuatu yang anda suka lakukan, kemudian carilah orang yang bersedia membayar kerana anda melakukannya."

Banyak lagi nasihat seumpama itu daripada mereka yang hebat-hebat untuk dijadikan panduan. Yang tersirat di sebaliknya adalah kenyataan bahawa orang yang melakukan sesuatu pekerjaan yang disukainya akan lebih mudah untuk berjaya.

Harus diakui, tidak semua orang berpeluang memilih kerja. Mereka yang mempunyai kelayakan akademik atau pengalaman yang mencukupi mungkin boleh melakukannya.

Begitu juga yang mempunyai kemahiran tertentu yang

“ Teori ini juga mengkategorikan individu kepada salah satu daripada enam kategori personaliti iaitu: Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional. ”

diperlukan oleh sasaran.

Tetapi peluang untuk membuat pilihan selalunya terhad. Selain itu kita juga sering terpaksa berdepan dengan persaingan.

Bagi mengelak daripada berada dalam senario itu, langkah lain yang boleh anda ambil ialah berusaha menyesuaikan kelebihan-kelebihan yang anda miliki dengan pekerjaan yang anda lakukan.

Ini bertujuan menimbulkan rasa harmoni anda dengan pekerjaan itu, dan seterusnya membangkitkan rasa suka dan minat untuk melakukannya.

Dalam dunia kerjaya, Teori Holland, atau dikenali juga sebagai Tipologi Holland merupakan antara asas yang digunakan pakai dalam setiap sektor.

Teori ini diperkenalkan oleh John L. Holland (1919 – 2008), kali pertamanya pada tahun 1959 dan kemudian dikemaskini beberapa kali sehingga kali terakhir pada tahun 1996.

Teori ini dibentuk berdasarkan andaian bahawa minat vokasional adalah satu daripada aspek personaliti dan oleh yang demikian deskripsi tentang minat individu juga menggambarkan personaliti seseorang.

Tret-tret personaliti biasanya dikenal pasti melalui kecenderungan terhadap matapelajaran sekolah, aktiviti-aktiviti rekreasi, hobi dan kerja, sementara minat vokasional boleh digambarkan sebagai ekspresi personaliti.

Teori ini juga mengkategorikan individu kepada salah satu daripada enam kategori personaliti iaitu: Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional.

Setiap personaliti ini memiliki ciri-ciri khusus yang terbentuk hasil daripada pelbagai pengaruh, antaranya termasuklah; persekitaran, genetik biologi, kelas sosial, keluarga, rakan sebaya yang menyebabkan kenapa seseorang itu suka kepada sesuatu dan tidak suka kepada yang lain.

Perincian ringkas mengenai kategori-kategori tersebut dan bidang pekerjaan yang sesuai dengan personaliti yang tertakluk dalam lingkungannya adalah



PEKERJAAN adalah penting untuk mengeluarkan seseorang daripada belenggu kemiskinan.

seperti berikut:

Realistik: Personaliti individu ini adalah bersifat kelakian, suka pada perkara-perkara teknikal, pendiam, praktikal, kurang bersosial, suka berterus terang, berjimat cermat dan stabil.

Individu yang tergolong dalam kumpulan ini mempunyai kemahiran elektrik atau mekanikal. Mereka juga lebih cenderung untuk bekerja dengan mesin, objek dan peralatan.

Individu kumpulan ini juga lebih suka melakukan kerja di lapangan berbanding hanya tertumpu dalam pejabat.

Oleh itu pekerjaan yang sesuai untuk mereka adalah pekerjaan adalah jurutera awam, juruteknik, mekanik, jurugambar, operator mesin dan banyak lagi.

Investigatif: Kumpulan ini memiliki personaliti individu seperti berikut: bersikap analitikal, sentiasa berwaspada, sifat ingin tahu yang tinggi, intelektual, rasional, suka berfikir dan kurang popular dalam masyarakat.

Mereka lebih gemar membuat pemerhatian, menganalisis, menyelidik, menilai dan menyelesaikan sesuatu masalah melalui hasil penyelidikan.

Individu kumpulan ini mempunyai kemahiran matematik dan juga kemahiran saintifik.

Pekerjaan yang bersuaian dengan mereka ialah kerja-kerja saintifik dan bercorak penyelidikan seperti ahli kaji cuaca, ahli biologi, ahli kimia dan penyelidik di makmal.

Artistik: Mempunyai kreativiti yang tinggi, idealistik, imaginatif, bersifat bebas, suka mengkaji diri, bersifat kewanitaan dan asli. Mereka adalah orang-orang yang kreatif dan inovatif. Golongan ini lebih suka untuk menggunakan imaginasi dan

tenang dalam semua situasi, teratur dan berhati-hati dalam pekerjaan, tabah, berdisiplin, tidak imaginatif dan tidak suka pada sesuatu yang spontan merupakan ciri-ciri khusus personaliti ini.

Mereka lazimnya suka bekerja melibatkan data dan nombor. Individu kumpulan ini juga melakukan kerja secara terperinci, bersistematis dan patuh mendengar arahan.

Kerjaya yang sesuai untuk mereka adalah: operator komputer, kerani bank, kerani pejabat, jurujual insuran, pakar cukai dan sebagainya.

Sekarang renunglah diri anda dan nilaiakan secara jujur, dalam kategori manakah anda berada. Manfaatkanlah nilai-nilai personaliti yang anda miliki kemudian sesuaikan dengan pekerjaan yang ada lakukan sekarang. Penulis buku 'The Long Haul: A Trucker's Tales of Life on the Road', Finn Murphy asalnya seorang pemandu trak dan buku yang laris jualannya itu adalah rakaman perjalanan hidupnya sebagai pemandu.

Dia tidak merungut dengan kerja berat yang dilakukan, tetapi dia memanfaatkannya. Dia tidak mengejar kerja yang menyeronokkan, tetapi dia menjadikan kerjayanya sebagai sesuatu yang seronok!

Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi adalah Presiden SLR Institute. Sebuah organisasi yang memfokus kepada kajian penyelidikan sosial dalam negara.



MERDEKA DI WILAYAHKU

D bulan kemerdekaan pohon pohon menjadi lampu wilayahku disolek cahaya biar pun musim masih berkabus kami akan menyalaikan segala rindu yang bernama kebebasan berkilauan diolah kemajuan.

Wilayahku di bulan kemerdekaan berkumpul bintang bintang kebahagiaan dan rembulan menghamparkan damainya bersama mentari yang menafsirkan makna.

Di tingkap yang terbuka ini mata kami akan terbang mekar berkembang dengan percikan citra terbanglah burung burung membawa bendera wilayahku, menjadi seni wilayahku, indahnya bersemi wilayahku, subur di hati kami!

M. Syazwi

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Ayuh kibar Jalur Gemilang

HANYA 11 hari sahaja lagi pada 31 Ogos, negara akan menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-64.

Ini akan diikuti dengan sambutan ulang tahun penubuhan Malaysia ke-58 pada 16 September. Ini merupakan dua tarikh bersejarah dalam kalender Malaysia.

Dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berkuatkuasa, tidak ada sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada skala besar seperti sebelum pandemik COVID-19 melanda.

Namun kita sebagai rakyat Malaysia, dan warga Wilayah Persekutuan khususnya, mesti tetap menunjukkan rasa kasih sayang kepada negara dan wilayah tercinta.

Satu cara ialah dengan mengibarkan bendera Jalur Gemilang, lambang kemegahan negara, bagi menyerikan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Oleh itu Adi menyeru warga Wilayah Persekutuan, sama ada anda di Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan, kibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda patriotik.

Kibarkan bendera di sepanjang Bulan Kemerdekaan ini di premis atau bangunan masing-masing.

Tidak kira lalang sama ada pejabat, bangunan perniagaan, tempat ibadat, bangunan persendirian atau rumah masing-masing.

Adi harap lakukan ini dengan ikhlas hati dan semangat cintakan negara, bukan kerana diwajibkan oleh pihak tertentu atau kerana rasa terpaksa.

Rasa cinta terhadap negara dan Wilayah Persekutuan mestilah lahir dari hati.

Dalam usaha menggalakkan pengibaran bendera ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan kempen kibarkan Jalur Gemilang bertujuan menyemarakkan semangat patriotik serta menyerikan Bulan Kemerdekaan dalam suasana pandemik.

Kempen ini yang dijalankan oleh DBKL melalui program Semarak Merdeka Warga Kota ini bukan sahaja bertujuan menggalakkan orang ramai mengibarkan bendera tetapi juga akan memberi cenderamata istimewa sebagai tanda penghargaan.

Adi difahamkan, apa yang perlu dilakukan oleh orang ramai tidak sukar, malah menyeronokkan.

Mereka sekadar dikehendaki berkongsi foto bersama Jalur Gemilang di media sosial seperti Facebook dan Instagram bermula 9 Ogos hingga 31 Ogos. Sebanyak 64 foto terbaik akan menerima cenderamata.

Mereka juga perlu tag tiga



SERTAI Kempen Semarak Merdeka Warga Kota kongsikan foto bersama Jalur Gemilang di media sosial seperti Facebook dan Instagram bermula 9 Ogos hingga 31 Ogos dengan tanda pagar #klmerdeka #klbandaruntuksemua #dbkl.

rakan dan masukkan tanda pagar #klmerdeka #klbandaruntuk semua #dbkl. Selepas itu follow akaun media sosial rasmi DBKL.

Ayuh warga Wilayah Persekutuan, tunjukkan keprihatinan dan kasih sayang semua terhadap negara dan Wilayah Persekutuan yang dicintai dengan menyertai kempen Jalur Gemilang.

Selama ini Wilayah Persekutuan begitu prihatin pada anda. Kali ini giliran anda pula!

'KEMERDEKAAN' ISTIMEWA UNTUK WP

KES COVID-19 di Lembah Klang dijangka menurun selepas 50 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi menjelang 31 Ogos. Kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah ini pasti menggembirakan Wilayah Persekutuan yang mencapai imuniti kelompok atau herd

immunity bulan ini.

Ini kerana secara tidak langsung kes di Wilayah Persekutuan (WP) juga akan menurun dan dianggap satu 'kemerdekaan' istimewa menjelang ulang tahun Hari Kebangsaan.

Wilayah Persekutuan Labuan telah lebih awal mencapai tahap imuniti kelompok, sementara Kuala Lumpur dan Putrajaya telah jauh mele过asi tahap 50 peratus vaksinasi.

Berdasarkan tweet mantan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa pada 15 Ogos, Kuala Lumpur mencapai tahap melebihi 85 peratus dan Putrajaya juga sudah terlalu hampir mencapai tahap 80 peratus.

Dengan ini, WP yang kini dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) akan bergerak ke fasa seterusnya.

Menurut Dr. Noor Hisham, penggunaan katil Unit Rawatan

MAKLUMAN AWAM

RAMAI RAKYAT M'SIA PILIH BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Agensi penyelidikan sumber manusia, Randstad menjalankan tinjauan Workmonitor bagi separuh pertama tahun 2021 di negara ini.



“ Adi harap lakukan ini dengan ikhlas hati dan semangat cintakan negara, bukan kerana diwajibkan oleh pihak tertentu atau kerana rasa terpaksa.

Rapi (ICU) dan ventilator serta kemasukan ke hospital telah menurun, sekali gus menampakkan keberkesanan suntikan vaksin COVID-19. Trend ini nyata di Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Bagi Adi, kenyataan beliau yang dibuat pada satu persidangan maya mengenai Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021 baru-baru ini, adalah suatu perkembangan baik, terutama untuk WP serta Lembah Klang keseluruhannya. Ternyata suntikan vaksin COVID-19 mula membawa hasil.

Dr. Noor Hisham juga memberitahu, bagi warga emas, pemberian vaksin kepada kelompok berusia lebih 60 tahun di Lembah Klang menampakkan kesan positif apabila jumlah pesakit warga emas di Hospital Sungai Buluh menurun. Malah jumlah pesakit berusia 40 hingga 59 tahun dan 20 hingga 39 tahun juga menurun.

Hal ini turut diakui oleh pakar anestesiologi dan rawatan rapi di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr. Noorulhana Sukarnakadi Hadzrami yang menyifatkan kemajuan yang dicapai sekarang menunjukkan usaha memerangi COVID-19 di Lembah Klang menampakkan kejayaan.

Justeru harapan Adi selepas WP mencapai imuniti kelompok, keadaan akan menjadi bertambah baik.

Adi juga berharap keadaan di negeri Selangor akan bertambah baik untuk menjadikan kawasan Lembah Klang keseluruhannya semakin 'hijau'.

Menurut Dr. Noorulhana, kemasukan pesakit tempatan di Lembah Klang memang menurun dan kebanyakan pesakit baharu adalah warga asing.

Di WP sendiri, Annuar berusaha memastikan semua penghuninya disuntik, termasuk warga asing dan gelandangan.

Adi difahamkan, sejumlah lebih 190 gelandangan sudah menerima imunisasi lengkap pada fasa pertama.

Seramai 130 lagi akan disuntik pada fasa kedua Program Vaksinasi COVID-19 Gelandangan@WPKL di Kuala Lumpur.

Rujukan daripada Jabatan Kecemasan (ED) hospital untuk pesakit kritis COVID-19 ke ICU juga semakin berkurang. Seperti kata Dr. Noorulhana, pesakit

kategori ringan mungkin masih ramai namun mereka hanya perlukan pemantauan dan rawatan di wad.

Cuma Adi kesal kerana menurut beliau, terdapat kes warga negara yang dirujuk ke ICU adalah kelompok yang menolak suntikan.

Mungkin mereka ini termakan hasutan kempen anti vaksinasi sehingga menolak pentingnya vaksinasi sebagai pendinding dan usaha ikhtiar menentang COVID-19.

Apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah memberi yang terbaik untuk rakyat. Dr. Noor Hisham sendiri memberi jaminan semua jenis vaksin yang digunakan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) adalah berkesan menentang varian Delta.

Oleh itu nasihat Adi kepada mereka yang masih ragu-ragu untuk mengambil vaksin, segeralah berbuat demikian.

Kita sedang menghadapi ancaman varian Delta dan Lambda yang lebih berbahaya dan tanpa bergejala.

Jika belum berdaftar, segeralah berbuat demikian. Jangan leka atau sompong enggan menerima vaksin kerana akibatnya membahayakan diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Virus pembunuhan COVID-19 masih berlegar di sekeliling kita.

- Adi Tuah

Adi Tuah

SAJAK

ENAM DEKAD EMPAT TAHUN PANJI INI MASIH BERKIBAR

Kitalah yang meraikan legasi 57 yang mencintai leluhur ini walau bermusim kita menelan gelora ke rahang kehidupan yang pedih

Generasi pasca merdeka kitalah mengeluarkan corak warna dikepala mewarnakan identiti Malaysia yang kita lukiskan

Syukurlah nikmat enam dekad yang berlaku penuh ramah mengisi ruang pinggan merdeka dipenuhi kerohanian dan akhlak

Kita masih bertelagah masih berkelahi kerana sahsiah politikus masih berkeras suara mencanai nista mencacatkan warna lukisan kemerdekaan yang dilukis para pejuang kita

Mamu MK Hasny
Anjung Karyawan Lekir

Lima komponen utama sumbangan kepada warga Wilayah Persekutuan

YWP sumbang bantuan mangsa COVID-19



AINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) terus berusaha keras dalam membantu warga Wilayah Persekutuan terutamanya ketika negara sedang berdepan dengan pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaizalnizam

Zainun berkata, YWP sentiasa prihatin dalam memastikan sumbangan terhadap warga wilayah sentiasa berterusan selari dengan objektif penuhannya untuk membantu menaiktaraf hidup golongan yang berpendapatan rendah dan memerlukan.

"Kita mengalu-alukan golongan yang memerlukan ini dan berharap mereka tampil untuk memohon skim-skim bantuan yang disediakan YWP.

"Diharapkan mereka menggu-



ZAIZALNIZAM (kanan) ketika majlis penyerahan bantuan MAIWP-Prihatin Kasih Asnaf 3.0 baru-baru ini.

nakan peluang yang disediakan dengan sebaiknya," ujar beliau kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Dalam masa sama, Zaizalnizam memberitahu, YWP sentiasa komited memastikan warga Wilayah Persekutuan mendapat bantuan dan perkhidmatan untuk pembangunan kemasyarakatan dalam setiap teras utama yang ditetapkan iaitu pendidikan, ekonomi, sosial, agama dan teknologi (P.E.S.A.T).

"Pelbagai usaha dilakukan secara terus-menerus semata-mata un-

tuk tujuan kebajikan warga Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan agar kehidupan mereka lebih terjamin," kata beliau lagi.

Malah katanya, sepanjang tempoh pandemik COVID-19 melanda negara, jutaan ringgit telah diperuntukkan untuk kumpulan sasar di ketiga-tiga wilayah, khususnya lokaliti yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Tambahnya, antara program dan sumbangan yang diwujudkan



SEKATAN jalan raya ketika PKPD di Labuan.

semasa tempoh pandemik adalah MYBeras serta Kelas Digital Mahir Tutor untuk pelajar B40 yang tidak dapat akses pembelajaran.

Beliau yang hadir dalam satu majlis simbolik penyerahan bantuan MAIWP-Prihatin Kasih Asnaf 3.0 kepada peniaga pasar malam dan bantuan Bakul Makanan kepada masyarakat Labuan yang terkesan ketika pelaksanaan PKPD baru-baru ini turut menyatakan, antara sumbangan yang disalurkan adalah keperluan dapur seperti beras.

"YWP menjalankan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah

Persekutuan (MAIWP) menyumbang sebanyak RM525,000.00 untuk membantu warga Labuan yang terjejas dengan PKPD sebelum ini dengan menghantar jumlah 23,000 pak bukal makanan.

"Antara barang asas yang disalurkan terdiri daripada beras, gula, tepung dan minyak masak yang merupakan barang penting lebih-lebih lagi ketika saat terdesak. Bantuan tersebut disalurkan melalui Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan selebihnya melalui jalan laut," ujar beliau lagi. **WK**

Jangan salah guna kemudahan lesen Wilayah Bebas Berniaga - DBKL

NAZWIN NAZRI

USAHA kerajaan membantu golongan rentan dan terjejas menerusi Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) telah disalahgunakan segerintir pihak yang 'tamak' dan mahu mengaut untung atas angin.

Berkonsepkan 'Ali Baba', seorang peniaga yang diberikan lesen IWBB di Jalan Kuantan, Taman Tasik Titiwangsa, Kuala Lumpur didapati menyewakan tapak niaganya itu kepada warga Myanmar dengan kadar sewa RM30 sehari.

Ekoran itu, DBKL mengambil tindakan penguatkuasaan terhadapnya malah semakan mendapati lesen yang dikeluarkan telah tamat tempoh dan dalam proses permonahan semula.

Sehubungan itu, tindakan sista dikenakan terhadap peralatan perniagaan dan notis kompaun dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) 3 (1) Pelesenan Penjaja Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 2016.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan, kesemua barang sitaan telah dibawa ke Stor Sitaan DBKL, Jalan Lombong Cheras.

Ujarnya, tindakan tersebut diambil selepas pemantauan sepanjang tempoh lima hari mendapati pemilik asal tidak menjalankan



BARANG perniagaan disita penguatkuasaan DBKL selepas peniaga didapati menyewakan lesennya kepada warga asing.

perniagaan dengan pelbagai alasan.

"Para peniaga yang memperoleh kebenaran lesen Wilayah Bebas Berniaga (WBB) diingatkan untuk tidak menyalahgunakannya.

"Lesen ini dikeluarkan hanya kepada warga tempatan yang layak oleh DBKL dan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membantu mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19 yang melanda ketika ini," katanya.

Dalam pada itu, DBKL memberitahu, pemantauan dan tindakan penguatkuasaan terhadap pelesen WBB akan dilaksanakan dari semasa ke semasa selagi mana kebenaran ini berkuatkuasa.

Oleh itu, katanya, warga kota disarankan untuk terus memberi kerjasama dan menyalurkan maklumat kepada DBKL bagi menangani aktiviti ini secara dalam talian di adukl.dbkl.gov.my. **WK**

Mohd Rizal dilantik Ketua Pengarah baharu YaPEIM

YAYASAN Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) melantik **Mohd Ridzal Mohd Sheriff** sebagai Ketua Pengarhanya yang baharu berkuatkuasa 13 Ogos lalu.

Mohd Ridzal, 56, memiliki pengalaman luas menjangkau 30 tahun dalam bidang perbankan dan pasaran modal serta beberapa tahun di dalam agensi kerajaan.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti of London dilantik memegang jawatan tersebut secara lantikan kontrak selama dua tahun.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid berkata, dengan pelantikan seorang Ketua Pengarah yang berpengalaman luas seperti Mohd Ridzal, YaPEIM akan dapat meneruskan dan meningkatkan lagi potensinya.

Selain itu, katanya, pelantikan itu dapat memastikan YaPEIM kkal relevan dalam menyantuni masyarakat selaku sebuah institusi pembangunan sosio-ekonomi dan amal jariah

yang sesuai dengan mandatnya untuk meningkatkan taraf socio-ekonomi umat Islam di Malaysia.

Dalam pada itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Pariah Hasan atas khidmat beliau memangku jawatan Ketua Pengarah sejak 2019.

Untuk maklumat, Mohd Ridzal dilaporkan memulakan kerjayanya di D&C Nomura Merchant Bank Berhad, pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di beberapa buah syarikat termasuk Infotodax (L) Pte Ltd, Deutsche Trustees (M) Berhad dan Malaysian Derivatives Clearing House Berhad.

Beliau juga pernah memegang pelbagai jawatan kanan di institusi seperti Deutsche Bank Malaysia Berhad, Bursa Malaysia dan Ultimate Futures Sdn Bhd.

Selain itu beliau pernah berkhdmat selaku Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). **WK**



MOHD RIDZAL



Pembelajaran Sepanjang Hayat

PEMBELAJARAN Sepanjang Hayat (PSH) di Malaysia bermula sejak tahun 2010. PSH merupakan segala aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hayat bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi dalam aspek yang berkait dengan peribadi, sosial atau pekerjaan.

PSH yang dijalankan di Kolej Komuniti adalah secara kursus jangka pendek dan bermodul yang ditawarkan kepada komuniti di 104 buah kolej komuniti yang terdiri dari 93 kolej komuniti induk dan 11 kolej komuniti cawangan. Program PSH disasarkan kepada masyarakat setempat antaranya belia, warga emas, ibu tunggal, pelajar sekolah, pelajar institusi tahfiz dan pondok, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan orang asli.

Kadar yuran pendaftaran adalah RM5.00 setiap kursus. Kos bahan mentah akan dikenakan tertakluk kursus yang diikuti. Pengiraan kos bahan mentah ditetapkan berdasarkan kursus yang akan disertai. Sebagai contoh, Kursus Asas Roti, kos bahan mentah seperti tepung, gula dan mentega perlu dibayar oleh peserta. Peserta boleh membawa balik roti selepas kursus tamat.

Kursus dijalankan dalam bentuk teori dan amali. Sebagai contoh, bagi kursus jahitan pakaian, pada awal kursus peserta akan didedahkan dengan asas jahitan secara teori dan seterusnya peserta akan menjahit pakaian mengikut langkah demi langkah secara amali. Kaedah ini juga berbeza antara setiap kursus.

Menurut Ketua Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Ts Zainab Ahmad lebih tiga juta penyertaan sejak PSH



dilaksanakan.

Sehingga kini, sebanyak 3,148,539 penyertaan dan 145,341 kursus telah dilaksanakan, sebanyak 3,148,539 penyertaan dan 145,341 kursus telah dilaksanakan.

"10 daripada 22 bidang kemahiran yang mempunyai penyertaan tertinggi pada tahun 2020 adalah seperti Katering dan Sajian; Komputer dan Teknologi Maklumat; Pembangunan Diri/Motivasi; Grafik dan Multimedia; Perniagaan dan Keusahawanan; Jahitan dan Pakaian; Kecantikan dan Dandan; Program Industri; Kerohanian dan Keagamaan; dan akhir sekali Elektrik dan Elektronik," katanya.

Tambah beliau lagi, selain PSH, kolej komuniti juga menawarkan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) ialah inisiatif yang diperluas daripada PSH. Objektifnya ialah semua pelajar tafhib dan pondok perlu diberikan ilmu dan kemahiran TVET dan keusahawanan; dan semua umat Islam mendapat peluang yang luas untuk mengikut pendidikan Islam sepanjang hayat.

Pada tahun 2020, pelbagai Program Kemahiran Pelajar Tafhib telah dilaksanakan dalam bidang kemahiran terpilih merangkumi Masakan dan Pastri, Jahitan, Servis Kenderaan Ringan, Penyelenggaraan Penyaman Udara, Pemprosesan Makanan dan Teknologi

Agro dan Akuakultur. Sebanyak 10,846 penyertaan dalam program PISH dan 612 kursus telah dijalankan.

Antara kebaikan menyertai PSH ialah meningkatkan kemahiran dan pengetahuan komuniti dalam pelbagai bidang yang boleh menjana pendapatan; meningkatkan taraf sosio ekonomi melalui penjanaan pendapatan setelah dibekalkan dengan kemahiran dan pengetahuan; penganugerahan Sijil PSH Bermodul yang melayakkan mereka melanjutkan pengajian melalui laluan Akreditasi Pengalaman Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL).

Seterusnya, menyebar luas peluang pendidikan melalui PSH yang ditawarkan oleh kolej komuniti; serta membudayakan PSH kepada komuniti dan memperlihatkan PSH mampu menjadi salah satu kaedah untuk meningkatkan kerjaya dan sosio ekonomi.

Pengukuhan PSH melalui Pelan Tindakan PSH Kolej Komuniti 2021-2025. Mulai tahun 2021 hingga 2025, pelaksanaan PSH kolej komuniti akan berpandukan dan berfokuskan lima misi PSH iaitu:

Misi PSH 1: Membangunkan Komuniti

yang Celik Digital Seiring 4IR Pelaksanaan PSH dalam era 4IR adalah bertujuan melahirkan rakyat yang celik digital. Salah satu indikator negara maju ialah wujudnya kelompok besar masyarakat yang kehadapan dalam

penggunaan teknologi terkini dalam amalan harian. Inisiatif membangunkan komuniti yang celik digital akan menjadi satu misi hala tuju baharu pendekatan PSH.

Misi PSH 2: Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat Pelaksanaan PSH diteruskan dengan memperkuuh usaha dan kerjasama semua Kementerian yang menjalankan PSH, khususnya melalui program terlanggan (customised) kepada golongan OKU, ibu tunggal, belia dan pekerja kurang

mahir ke arah membina kehidupan yang lebih mampan.

Misi PSH 3: Meningkatkan Kolaborasi dengan Industri Bagi meningkatkan penglibatan industri selaras dengan agenda 4IR, jalinan kolaborasi melalui pelaksanaan Joint Programme, Customized Programme, Private Public Partnership dan Industry on Campus akan terus digiatkan.

Usaha ini bertujuan mengurangkan ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri dan melahirkan bakat yang sedia masa hadapan (futureproof learners).

Misi PSH 4: Memperkuuh Keusahawanan

Keusahawanan merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, di samping bertindak sebagai penggerak utama kepada peningkatan tahap inovasi, kreativiti dan daya saing rakyat sesebuah negara. Elemen keusahawanan dikenalpasti sebagai antara komponen penting bagi menjayakan proses transformasi ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi.

Misi PSH 5: Memperkasa Program PISH

Pelaksanaan PISH perlu dijarai semula dengan dasar sedia ada dan ditambahbaik agar selari dengan keperluan semasa. Selain itu, peluasan PISH kepada golongan mualaf dan jangkauan kepada golongan bukan Islam turut dirancang bagi meningkatkan kerjasama dan kefahaman yang tidak terhad kepada pelajar institusi tafhib dan pondok sahaja. Pelaksanaan program PISH akan menekankan kepada kursus kemahiran dengan model keusahawanan bagi melahirkan usahawan dalam kalangan kumpulan sasaran.



Scan QR Code untuk saksikan video Kursus

KURSUS jangka pendek yang ditawarkan mampu menjana pendapatan kepada komuniti setempat

Antara perancangan PSH kolej komuniti bagi tahun 2021 adalah Program/Kursus PSH 2021 iaitu Perancangan program/kursus secara matriks ini membantu kolej komuniti untuk merancang takwim PSH dengan lebih berfokus dan tersusun dengan mengambil kira hala tuju baharu dan kumpulan fokus. Sebanyak 2,925 program/kursus PSH yang melibatkan enam (6) kumpulan fokus iaitu belia, ibu tunggal, warga emas, B40, OKU dan orang asli telah dirancang dengan penglibatan semua kolej komuniti.

Selain itu, Dua Program PSH di bawah Belanjawan 2021 iaitu Program Latihan Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok 2021. Bagi pelajar tahfiz dan pondok, adalah penting bagi mereka untuk mengimbangi ukhrawai dan duniaawi. Oleh itu, kolej komuniti membantu dalam membekalkan ilmu-ilmu kemahiran. Ilmu kemahiran ini akan

mampu membantu pelajar-pelajar ini memperkasakan lagi diri mereka dalam meneruskan kehidupan.

Bagi tahun 2021, Program Kemahiran kepada Pelajar di Institusi Tahfiz dan Sekolah Pondok (PKTP) akan dilaksanakan oleh semua kolej komuniti dengan sasaran sebanyak 22,602 penyertaan dalam kalangan pelajar institusi tahfiz dan sekolah pondok.

Program seterusnya ialah Program Keusahawanan Komuniti 2021 yang menumpukan kepada golongan tertentu seperti asnaf, usahawan kecil, belian dan ibu tunggal untuk melahirkan usahawan yang berkemahiran tinggi. Kolej komuniti akan membimbing dari segi kemahiran dan bimbingan keusahawanan kepada golongan ini. Kolej komuniti juga membantu mereka dalam membina jaringan kolaborasi dengan agensi luar. Pada tahun 2021, seramai 1,021 sasaran peserta akan dilatih sebagai usahawan

dalam pelbagai bidang.

Akhir sekali, Program kolaborasi PSH antara kolej komuniti dengan kerjasama agensi lain mengikut negeri. Kolej komuniti juga digalakkan menjalankan kerjasama dengan agensi, institusi, syarikat dan persatuan di peringkat negeri bagi melaksanakan program-program PSH yang dirancang agar pelaksanaan program ini boleh mencapai objektif pada tahap optimum. 41 program/kursus melalui kolaborasi kolej komuniti dengan agensi, institusi, syarikat dan persatuan di peringkat negeri.

Bagi memastikan PSH kolej komuniti terus relevan dan diterima masyarakat, kekuatan /kelebihan akan terus ditonjolkan. Antaranya adalah HRDF Claimable Training Center (Industri boleh membuat tuntutan bayaran yuran PSH dengan HRDF), yuran penyertaan minimum RMS (tempoh kursus minimum 5 jam) dan tidak termasuk yuran bahan,

kaedah pelaksanaan PSH yang fleksible dan Customize Program (mengikut permintaan industri dan komuniti).

Pelaksanaan PSH kolej komuniti tidak lari dari menghadapi cabaran yang ada terutamanya dengan pandemik yang masih membelenggu kehidupan normal seperti kesukaran mendapat pembiayaan untuk melaksanakan program PSH, kesukaran mendapatkan penyertaan komuniti, industri dan agensi kerana menghadapi masalah kewangan disebabkan oleh pandemik Covid-19, Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan pelaksanaan PSH secara dalam talian.

Bagi menyertai PSH atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai PSH kolej komuniti boleh layari laman sesawang kolej komuniti: <https://www.mypolycc.edu.my/>; atau melalui iklan penawaran kursus oleh kolej komuniti berdekatan; atau berhubung terus dengan pengurusan kolej komuniti berdekatan.



Scan QR Code untuk saksikan video Kursus

PESERTA kursus jahitan pakaian akan didedahkan dengan asas jahitan secara teori dan seterusnya secara amali

**AMIN FARID HASAN**

BULAN Ogos adalah bulan kemerdekaan negara, justeru itu pada hari Ahad lalu, Tanggal 15 Ogos 2021, usaha dan kesungguhan Kementerian Wilayah Persekutuan memperluaskan program vaksinasi kepada warga kota telah berjaya mencapai imuniti kelompok iaitu sebanyak 85 peratus. Begitulah simboliknya kejayaan yang dicapai oleh Wilayah Persekutuan, ia umpama memerdekaan warga kota dari belenggu pandemik ini di bulan yang dirahmati ini.

Kejayaan itu diumumkan oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** dalam satu majlis ringkas di Rumah Prihatin @ Grand Seasons. Ini adalah hasil daripada kerja keras Kementerian Wilayah Persekutuan bersama beberapa agensi dan sukarelawan dibawahnya yang mewujudkan program vaksinasi bergerak ke segenap pelusuk Kuala Lumpur dan di Rumah Prihatin.


Kini warga Wilayah Persekutuan sudah boleh memberi penumpuan dan merancang untuk melakukan persiapan bagi memacu semula ekonomi dengan mematuhi SOP walaupun imuniti kelompok telah berjaya dicapai.

Justeru itu warga kota diharapkan dapat menyemai semangat patriotik terhadap negara dan terus bersatu padu dalam mendepani segala cabaran mendatang demi sebuah negara yang bernama Malaysia. **W.K**





SUASANA persekitaran Rumah Prihatin yang mendapat sambutan orang ramai bagi mendapatkan vaksin secara daftar terus.



MANTAN Menteri Wilayah, Tan Sri TPr Annuar Musa berbangga dengan kejayaan pencapaian 85 peratus imuniti kelompok Wilayah Persekutuan.



Yuna bantu usahawan terkesan COVID-19



DEEL ANJER

PENYANYI terkenal, Yuna Zarai antara selebriti yang turut meluahkan rasa simpati terhadap usahawan-usahawan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Menurut pelantun lagu Dan Sebenarnya serta Terukir Di Bintang ini, impiannya mahu membantu usahawan menjadi kenyataan apabila dilantik menjadi wajah rasmi myIOU.

myIOU adalah servis perkhidmatan kewangan terbaru yang menawarkan khidmat Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later) sesuai dan mudah untuk usahawan yang berniaga atas talian.

"Ramai yang tahu saya memang

gemarkan jenama-jenama tempatan sama ada kecil atau besar sejak dari dahulu lagi.

"Saya akan kongsikannya dengan keluarga dan para peminat, tapi saya rasa cara itu masih belum lagi boleh dianggap menyeluruh.

"Dewasa ini, banyak usahawan tempatan mengalami kekangan kewangan dalam memastikan perniagaan mereka terus berkembang.

"Jadi, jalinan kerjasama dengan myIOU ini tiba pada masa yang tepat kerana saya memang sedang mencari peluang untuk membantu para usahawan demi kelangsungan perniagaan mereka.

"Dengan adanya perkhidmatan Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later/ BNPL) yang ditawarkan pihak myIOU, ia akan pasti dapat membantu bukan sahaja peniaga malah pelanggan juga.

"Saya bersama-sama pihak myIOU berharap dapat menarik seberapa ramai orang di luar sana untuk mengambil peluang menggunakan perkhidmatan BNPL oleh pihak myIOU," ujar Yuna.

Tentang kerjaya, Yuna atau nama sebenarnya **Yunalis Mat Zara'ai**, 35, akan pulang ke Los Angeles, Amerika Syarikat bagi meneruskan kerjaya muziknya di sana.

Yuna yang ditemani suaminya, Adam Sinclair pulang ke Malaysia untuk urusan pada tahun lalu 'terkandas' di Malaysia disebabkan pandemik COVID-19.

Julai lalu, Yuna yang baru sahaja melancarkan single terbaharu berjudul *Don't Blame It On Love* berkongsi berita duka apabila sepupunya, Allahyarham Amilya Saily Aminoddin menjadi mangsa korban virus maut COVID-19. **W.K**



YUNALIS MAT ZARA'AI



ABD RAHMAN KASSIM

Tidak hiraukan kecaman, Man Raja Lawak elak stres

TIDAK dinafikan, golongan selebriti adalah antara sasaran utama netizen dalam pelbagai isu. Mahu atau tidak, populariti yang dikehendaki menuntut kesabaran yang tinggi terutamanya selebriti yang terpalit dengan cerita 'panas'.

Begitulah yang berlaku kepada pelawak, Man Raja Lawak, 44, baru-baru ini yang mencetuskan perdebatan dalam kalangan netizen.

Mana tidaknya, setelah berjaya menurunkan berat badan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, Man ada menyamakan dirinya seperti Remy Ishak, Syamel dan pelajar lepasan SPM.

Berat badan Man kini turun daripada 94 ke 74 kilogram dengan secara konsisten dengan bantuan produk minuman kesihatan Bodycurv selain berjalan kaki di kawasan rumah.

Bukan itu sahaja, gigi pemilik na-

ma penuh, Abd Rahman Kassim yang sebelum ini 'berterburu' pun kelinatan tersusun.

Apa yang tidak sedap didengar apabila ada yang menganggap Man seorang yang suka berfantasi apabila menyamakan dirinya dengan artis atau insan lain.

"Bagi diri ini senang, saya anggap perihal menyamakan atau saya sendiri 'feeling' seperti Remy contohnya sebagai satu motivasi diri. Ia seperti doa yang baik. Kalau saya sendiri yang tak angkat diri, siapa lagi?

"Saya cuba alih rasa negatif sebegini dengan anggap mereka yang manafikan persamaan saya dengan Remy dan Syamel itu sebagai dengki.

"Dalam hal ini juga saya tidak suka layan kecaman atau anggap diri ini perasan. Kalau layan juga, saya merendahkan semangat diri. Lebih baik 'feeling' kerana ia percuma. Yang

tidak suka itu boleh pergi main jauh," katanya yang berbuat demikian kerana tidak mahu stres.

Cuma dalam masa sama, sepanjang usaha kembali menurunkan berat badan itu, ada pula klinik gigi yang bermurah hati menaja Man membuat rawatan sekitar April lalu.

"Alang-alang nak menurunkan berat badan lagi kali ini, kenapa tidak saya terima juga tawaran klinik gigi itu. Hasrat nak betulkan gigi sudah ada lama, tapi saja nak tunggu orang 'sponsor'.

"Tak sangka murah rezeki saya ada juga yang nak taja. Alhamdulilah gigi saya yang 'bersepah' selama ini sudah tersusun cantik," katanya.

Kata suami kepada Azlina Awalludin itu, dia sengaja kembali menambahkan berat badan tahun ini kerana ingin membuktikan keberkesanannya minuman bodycurv yang

banyak membantunya sejak dua tahun lalu.

"Niat saya sebenarnya nak mendidik dalam konteks hal menurunkan berat badan ini. Tak perlu nak kurus sampai kena potong usus. Saya bukan menentang mereka yang nak memotong usus. Kalau ada duit atau ada tajaan, silakan."

"Cuma kadang saya sendiri rasa kecewa apabila ada yang buat pembedahan tapi alih-alih keluarkan produk kuruskan badan. Macam 'trend' pula. Tak apalah janji mereka 'bahagia'. Pada akhirnya pilihan di tangan masing-masing," ujar Man Raja Lawak lagi. **W.K**



MUHAMMAD HAIRI AMIN

Pelajar sekarang boleh akses ilmu di mana-mana - MK K-Clique

ANGGOTA kumpulan K-Clique, MK menganggap pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekarang beruntung.

Bagi MK atau nama sebenarnya **Muhammad Hairi Amin**, 25, calon SPM masih boleh belajar secara atas talian walaupun berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19.

MK yang juga duta serta ikon pusat tuisyen dan peningkatan akademik, PTTI, mengaku mencemburui nikmat bakal diraih pelajar SPM menerusi pembangunan aplikasi terbabit.

PTTI juga mempunyai aplikasi pembelajaran khas atas talian yang boleh dimanfaatkan calon SPM.

"Pelajar SPM zaman sekarang boleh

dikatakan cukup beruntung kerana kehadiran aplikasi pembelajaran khas ini menjadi medium terbaik untuk memudahkan proses mencari dan menambah ilmu.

"Tambah pula dalam keadaan di mana kita sedang membiasakan corak menuntut ilmu atas talian secara total kerana situasi semasa pandemik COVID-19 sejak tahun lalu.

"Bagi saya juga, corak pembelajaran dulu dan sekarang pasti ada beza. Kita sentiasa bergerak mengikut perubahan zaman dan arus semasa.

"Jujur memang saya sedikit mencemburi pelajar SPM saat ini kerana mereka boleh belajar dan mengakses ilmu bila-bila masa dan di mana saja dengan

aplikasi ini," katanya sejurus berakhir majlis pelancaran virtual aplikasi tersebut baru-baru ini di studio Hitman Group.

MK dilantik menjadi duta PTTI sejak Februari lalu bagi menggantikan Mira Filzah.

Selain MK, artis popular seperti Zizan Razak, Nabila Razali, Iman Troye dan Tya Arifin turut hadir memeriahkan majlis secara virtual.

MK juga memuji usaha mewujudkan aplikasi pembelajaran atas talian yang banyak membantu para pelajar SPM.

Untuk rekod MK mendapat 5A dan 3B dalam SPM. MK juga pernah menuntut dalam pengajian diploma bidang perniagaan di UiTM, Kota Kinabalu, Sabah dari tahun 2012 hingga 2015. **W.K**

Pendigitalan tingkat kecekapan penyampaian perkhidmatan awam

AZIH YUSOF

COVID-19 membawa impak besar kepada negara, namun turut menjadi pemangkin kelancaran sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Ia menuntut sektor awam meningkatkan mutu penyampaian masing-masing melalui transformasi pendigitalan secara komprehensif.

Realitinya, rakyat kini mempunyai kesedaran lebih tinggi ke atas hak mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan kerajaan, di samping pengharapan tahap jaminan dan pengalaman perkhidmatan lebih baik.

Ini menuntut kerajaan sebagai penyedia perkhidmatan lebih kreatif dan inovatif menyediakan perkhidmatan seiring permintaan dan harapan itu.

Dalam konteks persaingan global, hala tuju dan inisiatif pendigitalan serta peningkatan kecekapan penyampaian sektor awam akan membuka peluang kepada pelabur asing membuat keputusan untuk pelaburan lebih terjamin, seterusnya meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh itu, ekosistem digital yang lengkap perlu diwujudkan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang bersepodu, terangkum dan selamat dapat dilaksanakan.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai peneraju transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam, mentransformasikan proses penyampaian perkhidmatan daripada perkhidmatan berpaksikan kerajaan, kepada perkhidmatan berpaksikan rakyat.

Jika diimbas kembali, konsep digital bukan baharu, sebaliknya kerajaan mulakan inisiatif ini melalui pelaksanaan kerajaan elektronik (e-Kerajaan) diperkenalkan di bawah program Koridor Raya Multimedia (MSC) pada 1996.

Ia satu daripada tujuh aplikasi perdana MSC bertujuan menambah baik operasi dalam agensi kerajaan, di samping meningkatkan komunikasi antara rakyat dengan kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan awam melalui ICT.

Ketika itu, laman sesawang dan gerbang web atau portal



KERAJAAN memulakan inisiatif pendigitalan melalui pelaksanaan kerajaan elektronik (e-Kerajaan) di bawah program Koridor Raya Multimedia (MSC) sejak tahun 1996 lagi.

kerajaan platform utama penyampaian maklumat kepada rakyat. Semua agensi kerajaan memuat naik pelbagai maklumat dan menyediakan perkhidmatan dalam talian untuk dicapai rakyat.

Namun, timbunan maklumat dan perkhidmatan dalam talian berlaku, mencetus kesukaran bagi menyelesaikan masalah atau keadaan dihadapi rakyat dengan segera.

Sebagai contoh, apabila seseorang bertukar alamat kerana berpindah, beberapa perkara perlu dilaksanakan seperti berurus di agensi terbabit untuk menukar alamat tempat kediaman pada kad pengenalan diri.

Alamat terkini juga perlu dikemas kini kepada pembekal utiliti seperti air, elektrik dan syarikat komunikasi, selain memaklumkan kepada bank dan pihak insurans serta menguruskan pertukaran persekolahan anak.

Rakyat perlu mengambil tahu dan merujuk pelbagai portal berlainan serta perlu berurusan banyak pihak disebabkan satu perkara yang berlaku dalam kehidupannya.

Situasi ini menggerakkan kerajaan untuk mencari penyelesaian.

Bagi melaksanakan konsep penyampaian perkhidmatan berpaksikan rakyat, pendekatan *life-event* atau peristiwa hidup digunakan dalam pembangunan gerbang tunggal perkhidmatan dalam talian kerajaan (GOSG).

Ia mengambil kira situasi boleh dijangka ataupun luar jangkaan.

Bagi perkara boleh

dijangka, ia dapat dirancang contohnya urusan persekolahan, pembelajaran pada peringkat universiti, perkahwinan dan urusan memulakan perniagaan.

Perkara luar jangkaan pula merujuk peristiwa luar kawal seperti kehilangan ker, sakit, kemalangan atau kematian ahli keluarga terdekat.

Dalam konteks ini, perkhidmatan dalam talian disediakan mengikut perspektif kehidupan sehari-hari rakyat.

Mekanisme pemadanan masalah dihadapi rakyat dengan perkhidmatan kerajaan yang disusun mengikut kitaran hidup rakyat ini, menjadikan perkhidmatan disediakan gerbang kerajaan lebih mudah, cepat, mesra pengguna dan



RANGKA Kerja Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), impak ekonomi digital sangat luas membabitkan masyarakat, perniagaan dan kerajaan.

lebih mudah dicapai.

Ini berbeza laman sesawang dan portal tradisional sebelum ini yang memaparkan reka bentuk berpaksikan struktur hierarki sesebuah agensi kerajaan.

Reka bentuk silo dan *vertical* seperti ini menyukarkan rakyat mendapatkan perkhidmatan disediakan secara menyeluruh dan merentasi agensi.

Rakyat perlu mengenal pasti jenis perkhidmatan, maklumat dan dokumen diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau keadaan dihadapinya.

Lebih menyulitkan, rakyat perlu tahu turutan perkhidmatan yang mereka perlukan. Ini mengakibatkan kelewatan dalam penyelesaian sesuatu isu, di samping membabitkan masa dan kos tinggi kepada rakyat.

Ia berbeza dengan pendekatan terkini berpaksikan rakyat.

Gabungan konsep pusat perkhidmatan setempat kerajaan, konsep *life-event* dan gerbang web ditambah ciri-ciri interaktif seperti papan pemuka peribadi rakyat, memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan lebih cekap dan berkesan.

Ia satu inovasi dan transformasi besar selari konsep kerajaan digital, memberi banyak faedah kepada rakyat dan kerajaan.

Dengan kata lain, pelanggan akan mendapat perkhidmatan betul dan bertepatan masa diperlukan.

Ia juga menjimatkan kos dan masa rakyat, kerana tidak perlu mengunjungi semua agensi bagi

mendapatkan perkhidmatan diperlukan.

Kerajaan turut mendapat faedah di mana perkhidmatan disediakan lebih efisien, efektif dan mesra rakyat.

Melalui pembabitan rakyat dan maklumat diperoleh daripada pengalaman pengguna juga, kerajaan berpeluang menambah baik perkhidmatan dari semasa ke semasa, seterusnya membangun dasar dan perkhidmatan lebih baik pada masa akan datang.

Pelaksanaan perkhidmatan berpaksikan rakyat juga membuka peluang peningkatan ranking negara di persada dunia melalui penilaian dilaksanakan, antaranya Indeks Pembangunan E-Kerajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEGDI).

Kedudukan negara dalam Indeks Perkhidmatan Dalam Talian UNEGDI dilaksanakan setiap dua tahun meningkat dari tangga 40 pada 2016 kepada tangga 27 dan 24 masing-masing pada 2018 dan 2020.

Seperi dinyatakan dalam Rangka Kerja Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL), impak ekonomi digital sangat luas membabitkan masyarakat, perniagaan dan kerajaan.

Bagi merealisasi dan menyokong hasrat ini, satu inisiatif dalam rangka kerja MyDIGITAL ialah menambah baik gerbang GOSG bagi memudahkan urusan perniagaan dan menjadikan penyampaian perkhidmatan sektor awam lebih cekap dan berkesan.

Justeru, kerajaan khususnya MAMPU dari semasa ke semasa akan terus menambah baik gerbang ini bagi mencapai sasaran inisiatif berkenaan iaitu sebanyak 85 peratus perkhidmatan dalam talian ‘hujung-ke-hujung’ kerajaan selesai diintegrasikan dan boleh dicapai melaluinya menjelang 2030.

Diharapkan agenda pendigitalan melalui transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam berpaksikan rakyat ini dapat menyokong matlamat dan aspirasi MyDIGITAL, seterusnya meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pertumbuhan ekonomi seimbang dan mampan berteraskan teknologi.

PENULIS merupakan Timbalan Ketua Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Menu dessert menggiurkan dari pelbagai negara



SABRINA SABRE

BILA tiba bab dessert ni, tiada siapa yang dapat menolak. Tidak kira ladang puding, tat atau manisan, memang boleh membahagiakan jiwa dan perasaan.

Sempena edisi kali ini, Wilayahku bawakan lime resipi dessert dari pelbagai negara termasuklah Thailand, Turki dan Indonesia. **WK**

PUREE DURIAN

BAHAN-BAHAN

1 kg isi durian
800 ml air
400 gram gula pasir
50 gram tepung jagung
250 ml air
Sedikit pewarna lemon yellow
Sedikit perisa durian

CARA PENYEDIAAN

- Kisar isi durian dan air hingga halus
- Tuangkan dalam kuali/non-stick pan atas api sederhana dan kacau.
- Letakkan gula dan terus kacau hingga sebatи.

4. Bila agak likat, campurkan bahan air dan tepung jagung, kacau lagi lebih kurang 10 minit atau hingga pekat.

5. Tutup api dan tuangkan dalam bekas kedap udara.

6. Apabila sudah sejuk, boleh simpan dalam peti ais. **WK**



PUDING ROTI MARSHMALLOW



BAHAN-BAHAN

½ buku roti sandwich
½ cawan kismis
½ cawan Mega Marshmallow
4 biji telur
1 tin susu cair
½ cawan gula pasir
1 sudu teh serbuk kulit kayu manis
1 sudu teh esen vanilla
2 sudu makan mentega

loyang yang telah dioles dengan mentega dan tabur kismis.

- Kemudian susun lagi roti, tabur kismis dan Mega Marshmallow sehingga habus.
- Di dalam bekas berlainan, satukan telur yang telah dipukul dengan susu, gula, serbuk kulit kayu manis dan esen vanilla. Pukul sebatи dan tuang ke dalam Loyang.
- Masukkan ke dalam ketuhar dan bakar pada suhu 170°C selama 40 minit.

CARA PENYEDIAAN

- Sapukan mentega pada roti. Kemudian potong dadu. Susun roti dalam

JELLY TEMBIKAI



BAHAN-BAHAN

200 gram agar-agar serbuk
1 litre air
200 gram gula
1 biji buah tembakai merah
Buah naga dipotong dadu
Buah kiwi dipotong dadu
Buah nanas dipotong dadu
Buah betik dipotong dadu
Strawberi dipotong dadu
Blueberry

CARA PENYEDIAAN

- Tembakai dibelah dua dan dikeluaran isinya. Isi tembakai dipotong dadu.

2. Masukkan kesemua buah-buahan yang dipotong dadu ke dalam kulit tembakai.

3. Masak agar-agar bersama air dan gula hingga larut.

4. Tuang agar-agar ke dalam kulit tembakai berisi buah-buahan tadi. Biarkan sejuk dan mengeras. Baik disimpan di dalam peti sejuk.

5. Potong dan sedia untuk dinikmati. **WK**

MSHABAK

BAHAN-BAHAN

5 sudu makan tepung jagung
5 sudu makan tepung gandum
2 sudu makan minyak bunga matahari/jagung
1 sudu teh yis/ragi
Air suam secukupnya

BAHAN UNTUK SIRAP

2 cawan gula
1 cawan air
2 sudu makan air mawar
½ biji lemon untuk perahan jus
Pewarna kuning/orang

CARA BUAT SIRAP

Cairkan gula kemudian tambahkan air mawar dan jus. Akhir sekali masukkan pewarna mengikut cita rasa. Ketepikan.

CARA BUAT DOH

- Gaul minyak bunga matahari/jagung, tepung gandum, yis dan tepung jagung. Campurkan air sedikit demi sedikit dan gaul sehingga sebatи. Ketepikan.
- Panaskan minyak di dalam kuali. Goreng doh di dalam minyak panas.



3. Goreng doh sehingga perang keemasan dan kemudian angkat, tos dan rendamkan di dalam air gula yang telah dibuat sebelumnya. Angkat dan sedia dinikmati. **WK**

UBI KAYU CARAMEL GULA MELAKA

BAHAN-BAHAN

2 batang ubi kayu
250 gram gula perang
100 gram gula Melaka
1 helai daun pandan
400 ml air

CARA PENYEDIAAN

- Ubi kayu dibersihkan dan dibuang kulit. Potong sepanjang 10cm.

- Masukkan kesemua bahan-bahan di atas ke dalam periuk yang bersesuaian.

WK

- Rebus sehingga ubi empuk dan gula menjadi pekat. Kacau bahagian bawah bagi mengelakkkan gula menjadi hangus. Setelah ubi empuk, angkat dan sedia dihidangkan.

WK



Empat karya semangat pahlawan



DIANA SYUHADA
MOHD AMIR

SALAM Merdeka buat pembaca *Wilayahku*. Meskipun masih berada di dalam pandemik namun semangat untuk menyambut kemerdekaan yang ke-64 masih tidak luntur dalam kalangan rakyat Malaysia apabila bendera Jalur Gemilang sudah mula dikibarkan di halaman rumah masing-masing.

Karya genre biopik dan sejarah berkaitan patriotik dan semangat kemerdekaan bukan perkara baru dalam industri perfileman tempatan. Malah pengisian filem patriotik tidak hanya berkisarkan tentang peperangan, malah semangat juang juga turut diangkat.

Edisi kali ini *Wilayahku* akan kongsikan empat filem semangat pahlawan yang menarik untuk ditonton hujung minggu ini.


#1 Pulang

Pengarah: Khabir Bhatia
Pelakon: Remy Ishak, Puteri Aishah, Datuk Jalaluddin Hassan

FILEM Pulang berlatar belakangkan tahun 1940-an, tentang seorang kelasi kapal, Othman yang nekad mengubah nasib keluarganya dengan mengikuti pengembalaan belayar ke merata dunia. Sebelum belayar, dia berjanji akan pulang bersama kekayaan untuk isterinya Che Thom dan anak lelakinya, Omar. Dengan penuh kesabaran, isterinya akur dengan kepergiannya dan setia menunggu kepulangan suaminya selama 61 tahun.

Pulang secara zahir mungkin berkisahkan kisah benar cinta antara Othman dan Che Thom yang

terpisah selama 60 tahun turut memasukkan elemen perjuangan kemerdekaan, babak aksi penjajahan Jepun di Tanah Melayu dan usaha untuk mengubah kehidupan agar lebih selesa cukup kuat menjadikan ia naskhah patriotik terbaru yang boleh dilayan pada hujung minggu ini. **WK**



SEBUAH FILEM KABIR BHATIA



#2 Legasi VAT 69

Pengarah: Zaili Sulan
Pelakon: Syafie Naswip, Along Ezyendy, Adam Shahz

MENGISAHKAN tentang semangat kepahlawanan lima anak muda kampung yang mempunyai keperibadian yang tinggi serta amat berbeza yang bernama Hamzah Hashim, Apot a/k Saad, Zabri Abd Hamid, Hasyim Jaabar dan Ahmad WT.

Mereka berlima kemudiannya telah menyahut cabaran untuk

menyertai unit baharu dalam pertahanan negara pada tahun 1969 yang dikenali dengan nama VAT 69.

Untuk menyertai unit elit tersebut, mereka dikehendaki melalui satu sesi pemilihan yang amat getir. Dalam setiap episod siarannya, rancangan ini akan memaparkan kesungguhan anak-anak muda ini meninggalkan keluarga di kampung demi hasrat untuk berbakti untuk negara. **WK**

#4 Kapsul

Pengarah: Martias Mohd Ali (Allahyarham)
Pelakon: Faizal Hussein, Zamarul Hisham

SEBUAH kapsul masa Wawasan 2020 yang ditanam oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dicuri dan membawa Zohri (Faizal Hussein) kembali ke zaman silam termasuk *menyelamin jiwa* seorang pejuang ketika askar Melayu berperang dengan Jepun di Kuala Kangsar pada tahun 1942. Zohri kini terperangkap di tengah pergolakan bangsa Melayu untuk mencapai kemerdekaan serta membawa bangsa Melayu keluar dari kancalah



kemiskinan.

Zohri melihat dan merasa sendiri akan erti sebuah perjuangan bangsanya yang tidak pernah dia bayangkan selama ini. Dia melihat, dia merasai dan kini dia mulai memahami betapa peritnya liku-liku rentetan sejarah negara dan bangsa. Kembara Zohri berterusan dari satu era ke era seterusnya dan tiada siapa yang mampu membawa pulang ke zamannya kecuali dirinya sendiri. **WK**



#3 Lalang

Pengarah: Hisyamudin Ahmad
Pelakon: Syazwan Zulkifli, Qi Razali

MENGANGKAT latar era penaklukan Jepun di Tanah Melayu yang berlaku sekitar tahun 1942. Mengisahkan Embong (Syazwan Zulkifli) dan Ah Heng (Lenny Ooi) cuba mengelak diri mereka dari dipergunakan. Mereka tidak sanggup menjadi lalang yang terpaksa mengikut arah. Dalam masa

sama, Embong terpaksa berdepan dengan permusuhan ditimbulkan oleh Salleh (Hushairi Husain) yang menjadi tali barut Jepun. Salleh memang menyimpan dendam lama terhadap Embong kerana menganggap Embong merampas kekasihnya, Rohani.

Ketika tinggal di pondok, Ah Yee teringin bermain layang-layang dengan menggunakan surat khabar Cina tetapi Sue Lan bimbang akan dilihat oleh penduduk

setempat dan mereka akan tahu ada keluarga Cina yang menyorok dalam penempatan orang Melayu.

Malangnya ketika Ah Yee bermain layang-layang, dia telah ditembak oleh Ah Chai yang menyangka Ah Yee anak orang Melayu kerana dendam dan marahnya terhadap orang Melayu yang sanggup menjadi tali barut Jepun. Apa kesudahan cerita lalang ini? **WK**

Pemilik kedai gembira premis boleh dibuka

SOP pelanggan *dine in* disambut baik



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

KIRA-KIRA 100 premis makanan dan minuman di Pulau Bebas Cukai ini menyambut baik saranan kerajaan dalam melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) hanya pengunjung lengkap dua dos vaksin COVID-19 memasuki premis mereka.

Menurut Pengurus Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) Labuan **Rithuan Mohd Ismail**, pelaksanaan SOP itu adalah selari dengan saranan kerajaan dalam memberikan kelonggaran kepada individu yang telah lengkap dua dos vaksin COVID-19.

Rithuan berkata, ia mendapat

respon yang baik daripada pemilik dan peniaga premis makanan dan minuman untuk melaksanakan SOP tersebut bagi memastikan keselamatan mereka.

"Kita (JPBD) mendapat kerjasama dari peniaga (pemilik premis) dalam memastikan SOP *dine in* dipatuhi dan ini selari dengan usaha kita untuk memastikan Labuan sebagai zon hijau COVID-19."

"Sepertimana yang kita tahu Wilayah Persekutuan Labuan merupakan wilayah pertama yang telah mencapai 80 peratus imuniti kelompok dan kita perlu memastikan momentum ini diteruskan," katanya kepada pemberita selepas melakukan tinjauan di beberapa buah premis makanan di sekitar Labuan, pada Khamis lalu.

Hadir sama, Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant

Ahmad Jawila, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk Dzulfaizal Ab Manan.

Sementara itu, Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Labuan **Hafiez Daud** berkata, pihaknya menyarankan setiap premis menugaskan seorang pekerja untuk melakukan pemeriksaan sijil digital vaksinasi COVID-19 terhadap pelanggan yang memasuki premis mereka.

"Kami percaya semua restoran di pulau ini bersedia untuk memeriksa status vaksinasi pengunjung, sebelum mereka masuk untuk makan *dine-in*.

"Peniaga mempunyai hak untuk tidak membenarkan mana-mana individu yang tidak memberikan kerjasama dan gagal menunjukkan sijil vaksinasi digital COVID-19 untuk *dine in* didalam premis," katanya lagi. WK



RITHUAN (tiga dari kanan), **Hafiez** (dua dari kanan) bersama **Ketua Polis Labuan Ahmad** (hujung kanan), **Dzulfaizal** (dua dari kiri) menunjukkan sijil vaksinasi digital COVID-19 ketika membuat lawatan di premis makanan disini, pada Khamis lalu.

30,792 bakul makanan diagihkan kepada golongan terjejas di Labuan

SEBANYAK 30,792 bakul makanan berjaya diagihkan kepada golongan terkesan di pulau ini sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 25 Mei lalu sehingga kini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, dari keseluruhan bakul makanan itu meliputi bantuan makanan daripada agensi kerajaan, pihak swasta dan persendirian.

Antaranya, sumbangan dari Yayasan Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Perbadanan Labuan.

"Sebanyak 30,792 bakul makanan telah diagihkan kepada keseluruhan warga Labuan yang terkesan yang memerlukan bantuan bakul makanan dan ini lah dikatakan sebagai Labuan Prihatin, Wilayah Prihatin," katanya

kepada pemberita pada Majlis Penyerahan bakul makanan dan bendera Jalur Gemilang kepada petugas perikanan cawangan Taman Laut di Pulau Rusukan Besar, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rithuan berkata agihan bantuan makanan itu masih lagi di pergiakan ketika ini bagi membantu golongan yang terjejas pada waktu ini.

Katanya, bantuan itu akan diagihkan kepada mereka yang terkesan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Sebagai sedia maklum, MAIWP akan menyalurkan sebanyak 300 bakul makanan setiap bulan kepada JPBD dan bakul makanan ini lah yang kita akan agihkan kepada mereka yang memohon bantuan itu.

"JKM akan melihat dan memastikan mereka yang memohon bantuan ini adalah golongan yang terkesan," katanya lagi. WK



RITHUAN (tengah) menyaksikan simbolik menyerahan bantuan bakul makanan yang disampaikan oleh Pengurus MAIWP Labuan, Fadzli (empat dari kiri) kepada Pengarah Jabatan Perikanan, di Pulau Rusukan Besar, baru-baru ini.



BASHIR (dua dari kiri) bersama **Rithuan** (hujung kiri) bersama **Ketua Polis Labuan** merasmikan pelepasan Konvoi IOW Merdeka yang diketuai Jabatan Penerangan Labuan.

Labuan role model 'Malaysia Prihatin' tangani COVID-19

WIAYAH Persekutuan Labuan menjadi contoh terbaik dalam menterjemahkan tema 'Malaysia Prihatin' dalam setiap tindakan yang dilaksanakan bagi menangani krisis penularan pandemik COVID-19.

Ahli Dewan Negara, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata, kejayaan yang dikehendaki oleh Labuan adalah atas kerjasama daripada semua pihak yang bersama-sama melaksanakan pelbagai langkah yang berkesan untuk menangani penularan COVID-19 di pulau ini.

Katanya, kesepadan yang erat ini amat selari dengan semangat tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini iaitu 'Malaysia Prihatin'.

"Alhamdulillah, Wilayah Persekutuan Labuan sudah pun berjaya memasuki Fasa 3 Pelan Pemuliharaan Negara (PPN) sejak 4 Ogos lalu, ini adalah hasil daripada kemauan seluruh jentera kerajaan, swasta, NGO dan rakyat Labuan yang teguh bergading bahu memerangi penularan COVID-19 di wilayah ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan

dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2021 Peringkat Labuan di Perkarangan Ibu Pejabat Polis Labuan, pada Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Labuan Rithuan Mohd Ismail, Ketua Polis Daerah Labuan Superintendant Ahmad Jawila, Pengarah Penerangan Labuan Supian Musa dan ketua-ketua jabatan kerajaan dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP).

Dalam pada itu, Bashir menegaskan bahawa kejayaan yang dikehendaki hanyalah satu permulaan perjalanan baharu yang masih panjang untuk dilalui bersama.

"Marilah kita ambil semangat kemerdekaan Negara yang ke 64 tahun ini sebagai azimat untuk kita semua terus komited berjuang bagi memerdekakan Negara terutamanya pulau yang kita cintai ini dari cengkaman COVID-19.

"Saya mengingatkan agar prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan yang telah ditetapkan terus dipatuhi serta semua usaha untuk menambah baik situasi kini terus diperhebatkan," katanya lagi. WK

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Polemik politik tidak jejaskan fokus membantu warga memerlukan

SYAHIDI BAKAR

PERGOLAKAN dan polemik politik semasa tidak sewajarnya menjejaskan usaha membantu warga yang memerlukan di kawasan parlimen diwakili oleh wakil rakyat yang dipilih.

Perkara tersebut tegas Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, **Datuk Kamarudin Jaffar** perlu dielak demi memastikan aspek kebaikan rakyat yang diwakili terbela seterusnya memberikan khidmat berkesan untuk kebaikan bersama.

Beliau berkata, program agihan sumbangan ayam mentah yang dilaksana bersama wakil penduduk setempat termasuk Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Sub Zon 5, akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memberi gambaran jelas iaitu rakyat adalah keutamaan.

"Polemik politik dalam kalangan parti terlibat di peringkat pusat tidak wajar dijadikan alasan bagi menghentikan program kebaikan yang berpaksi kepada kepentingan rakyat."

"Perkara ini perlu diberikan keutamaan kerana ia beri gambaran tidak baik untuk masa



SHAHARUDDIN (kanan) menyerah sumbangan ayam mentah kepada salah seorang wakil penduduk di kawasan sekitar Taman Tenaga, Bandar Tun Razak.

dengan parti diwakili. Jadi sebagai pemimpin Parlimen, rakyat mahu kita berkhidmat bukanlah melihat polemik politik hingga jejaskan kelangsungan mereka," katanya dalam Program Sumbangan Ayam Untuk Penduduk di Taman Tenaga, Bandar Tun Razak.

Kamarudin diwakili Naib Ketua Bersatu Bandar Tun Razak, Shaharuddin Abd. Aziz menyantuni 10 wakil Persatuan Penduduk dengan sumbangan 300 ayam mentah hasil kerjasama

oleh syarikat Chicken Boss yang dijangka memanfaatkan 300 keluarga B40 di kawasan perumahan sekitar.

Sementara itu, bagi Pengurus MPPWP Sub Zon 5 Bandar Tun Razak, **Farouk Mohd Noor**, usaha dan keprihatinan Ahli Parlimen juga bekas Timbalan Menteri Luar itu sangat dihargai memandangkan dalam situasi semasa pandemik COVID-19, ramai warga penduduk terkesan telah dibantu.



FAROUK Mohd Noor turut serta membantu melancarkan proses agihan sumbangan hasil tajaan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak dengan kerjasama Chicken Boss.

"Kami sebagai wakil penduduk kawasan ini, amat berterima kasih kepada Ahli Parlimen yang telah banyak membantu warga memerlukan melalui pelbagai inisiatif bantuan yang dianjur termasuk sumbangan bakul makanan, bahan mentah dan bantuan lain seperti kerja-kerja sanitasi sebagai langkah mencegah penularan COVID-19.

"Saya yakin hasil gerak kerja dilakukan, warga di sini mengalu-kepimpinan YB di Bandar Tun

Razak dengan tangan terbuka dan menjadi harapan kita fokus kebaikan rakyat ini akan diberi keutamaan pada masa akan datang demi manfaat bersama," katanya.

Selain wakil MPPWP Sub Zon 5, program agihan sumbangan pagi Ahad itu turut diserikan dengan kehadiran sukarelawan dari Penggerak Komuniti Negara (Penggerak) yang membantu melicinkan lagi proses agihan sumbangan. **WK**

Pelbagai pihak bersama gembleng tenaga bantu warga memerlukan

KERJASAMA interaktif melibatkan pelbagai pihak yang prihatin menyaksikan program berfokuskan kebaikan telah dilaksanakan dengan objektifnya meringankan beban golongan sasar rakyat dalam kelompok B40.

Pelancaran Program Titipan Kasih Harian Metro (TKHM) dengan usahasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Hijrah itu membolehkan keluarga terkesan dengan penularan COVID-19 di sekitar Kuala Lumpur dibantu menerima Kotak Rezeki berisi barang keperluan.

Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Zon Titiwangsa, **Datuk Azizulrahman Mohd Husain**

Malim berkata, hasil pelaksanaan program TKHM, seramai 500 warga penduduk dari lima kawasan Parlimen akan layak menerima sumbangan Kotak Rezeki yang bernilai RM150 setiap satu.

Katanya, kelima-lima Parlimen diterajui MPPWP masing-masing iaitu MPPWP Zon Batu, MPPWP Zon Wangsa Maju, MPPWP Zon Lembah Pantai, MPPWP Zon Setiawangsa dan juga Titiwangsa menerima 100 Kotak Rezeki setiap zon untuk diaghik kepada warga memerlukan.

"Program Sumbangan Titipan



HUSSAIN Jahit (tiga dari kiri) ketika pelancaran Program TKHM di pekarangan Yayasan Warisan Batu, baru-baru ini. Turut kelihatan Azizulrahman (dua dari kanan).

Kasih memilih lima MPPWP Zon jayakan program secara serentak. *Alhamdulillah* 100 keluarga akan layak menerima barang keperluan bernilai RM150 setiap keluarga.

"Inisiatif ini dilihat bertepatan keperluan semasa menyaksikan ramai kelompok rakyat B40 sedang berdepan kesukaran. Jadi ini secara langsung dapat ringankan beban mereka dan keluarga," katanya pada pelancaran TKHM di Yayasan Warisan Batu, Sabtu lalu.

Program sumbangan dilaksana di bawah inisiatif Hijrah Bermula dari Hati menyediakan 500 Kotak Rezeki Harian Metro bernilai RM75,000 untuk diaghik kepada golongan B40.

Sementara itu, bagi Pengarang Kumpulan Harian Metro, Hussain Jahit, Kotak Rezeki yang dibahagi kepada lima MPPWP itu, mengandungi barang keperluan harian antaranya susu krimer manis Hijrah, Dairy Champ, beras,



SEORANG sukarelawan sedang mengagihkan barang bantuan TKHM kepada penerima.

gula, tepung, minyak masak diharapkan dapat menampung keperluan seisi keluarga untuk seketika.

"*Alhamdulillah*, kita dapat menyempurnakan satu lagi tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan kerjasama Hijrah, apa yang kita lakukan ini untuk membantu golongan terkesan akibat pandemik.

"Saya ucapkan terima kasih

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pihak Hijrah serta MPPWP Zon Batu atas kerjasama sempurnakan program ini," katanya.

Selain Hussain, majlis pelancaran tersebut turut diserikan dengan kehadiran wakil jenama Hijrah, Pengurus Kanan Perhubungan Kerajaan Mohd Zurairi Mustafa turut menyampaikan sumbangan. **WK**

**Soalan**

ASSALAMU'ALAIKUM
SS Mufti, benarkah jika seseorang melakukan amal soleh dalam bulan haram pahalanya lebih besar berbanding bulan-bulan lain dan bagaimana pula dengan maksiat? Mohon pencerahan.

Jawapan

Waalaikumussalam wbt.
Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, kepada ahli keluarga baginda, para sahabat, seterusnya mereka yang mengikuti jejak langkah baginda sehingga hari kiamat.

Secara umumnya Allah SWT memiliki dua sifat yang utama iaitu menciptakan dan setelah itu Dia melakukan pemilihan.

Hal ini berdasarkan firman Allah SWT :

Maksudnya: *Dan Tuhan kamu Dia menciptakan apa sahaja yang Dia kehendaki dan Dia melakukan pemilihan (yang terbaik dari kalangan makhluk-Nya).*

Surah Al-Qasas (68)

Berdasarkan ayat tersebut, jelas difahami bahawa seluruh makhluk hakikatnya diciptakan oleh Allah SWT.

Namun, kedudukan dan kemuliaan makhluk adalah tidak sama antara satu sama lain disebabkan pilihan yang dilakukan oleh Allah SWT.

Sebagai contoh, Allah menciptakan masa dan pada masa yang sama memilih masa-masa tertentu yang mempunyai kebaikan lebih banyak di dalamnya.

Firman Allah Ta'alaa :

Adakah pahala dan dosa lebih berat di bulan-bulan haram ?



GANJARAN pahala serta dosa maksiat yang dilakukan di dalam bulan-bulan haram adalah lebih berat dan besar berbanding bulan-bulan yang lain.

Maksudnya: Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah adalah sebanyak dua belas bulan, seperti yang ditetapkan pada hari Dia menciptakan langit-langit dan juga bumi.

Antaranya adalah empat bulan haram. Yang demikian itu adalah agama yang lurus, maka janganlah kamu menzalimi diri kamu di dalam bulan-bulan tersebut (bulan haram).

Surah Al-Taubah (36)

Bulan-bulan haram yang empat tersebut adalah bulan Muarram, Rejab, Zulqadah dan Zulhijjah.

Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Bakrah R.A beliau berkata

bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Sesungguhnya masa itu beredar seperti keadaan asalnya pada hari Allah menciptakan langit-langit dan juga bumi.

Setahun itu ada dua belas bulan, dan ada empat bulan-bulan haram.

Tiga yang berturut-turut, iaitu Zul Qa'dah, Zulhijjah, dan Muarram, serta bulan Rejab Mudhar yang berada di antara Jumada (al-Akhir) dan juga Sya'bān.

Riwayat Al-Bukhari (184)

Bulan-bulan haram di sini mengandungi dua maksud.

Pertama, ia merupakan bulan-

bulan yang diharamkan untuk berperang di dalamnya.

Kedua, ia merujuk kepada bulan yang sangat dihormati lagi dimuliakan.

Berbalik kepada persoalan yang dikemukakan, kami nyatakan bahawa setiap perkara yang mempunyai kemuliaan dan kelebihan di sisi Allah SWT sudah pasti mendatangkan ganjaran dan hukuman yang berbeza berkaitannya.

Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu menuaikan solat di dalam Masjid Al-Nabawi, maka ganjaran pahalanya lebih besar berbanding solat di masjid-masjid selainnya kecuali Masjid al-Haram.

Hal ini adalah berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

Maksudnya: *Solat di dalam masjid aku ini (Masjid Al-Nabawi) adalah lebih afidhal sebanyak seribu kali ganda solat di dalam masjid selainnya, melainkan Masjid al-Haram.*

Riwayat Muslim (1395)

Manakala berkenaan isu adakah dosa-dosa di dalam bulan-bulan haram itu lebih berat berbanding bulan-bulan lain, maka Imam Ibn Kathir telah memberikan penjelasan terhadap ayat ke- 36 dari surah Al-Taubah.

Maksudnya: *Sebagaimana Allah S.W.T melarang perbuatan zalim (maksiat) di dalam bulan-bulan haram.*

Sekalipun ia dilarang

sepanjang tahun cumanya ia lebih berat apabila dilakukan di dalam bulan-bulan haram.

Rujuk Tafsir Al-Quran Al-Azhim, Ibn Katsir (1/545).

Begitu juga ganjaran pahala yang dikurniakan ke atas mereka yang melakukan amal soleh di dalam bulan-bulan haram.

Ia jelas lebih besar berbanding bulan-bulan yang lain. Imam Ibn Rajab al-Hanbali menukarkan pendapat Ibn Abbas RA yang menyebut :

Maksudnya: Allah SWT telah mengkhususkan empat bulan dan menjadikan mereka sebagai bulan-bulan haram dan membesarangkan kehormatan mereka.

Dia juga menjadikan dosa-dosa padanya itu lebih berat serta menjadikan amalan soleh dan ganjaran pahala (di dalamnya) juga lebih besar (berbanding bulan-bulan lain).

Rujuk Latha'if al-Ma'arif, Ibn Rajab Al-Hanbali (Hlm. 115).

Kesimpulannya, ganjaran pahala serta dosa maksiat yang dilakukan di dalam bulan-bulan haram adalah lebih berat dan besar berbanding bulan-bulan yang lain.

Justeru, marilah kita bersama memperbanyakkan amalan soleh di dalam bulan-bulan haram ketika ini serta meninggalkan maksiat di dalamnya.

Mudah-mudahan ia menjadi asbab yang meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT pada bulan-bulan berikutnya.

Wallahu'lam.

Malaysia capai status negara menua lebih awal jika pandemik berpanjangan

MALAYSIA akan mencapai status negara menua lebih awal daripada jangkaan jika situasi pandemik COVID-19 berterusan untuk tempoh panjang susulan trend penurunan bilangan kelahiran yang dicatatkan negara.

Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), **Abdul Shukur Abdullah**, berkata berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka mencapai status negara menua pada 2030 apabila 15 peratus penduduknya berumur 60 tahun ke atas.

"Namun, situasi pandemik COVID-19 yang berlaku ketika ini memungkinkan status itu dicapai lebih awal.

"Penemuan tinjauan pendapat umum dilaksanakan LPPKN pada April 2020 mendapati 53 peratus responden menjangka situasi

pandemik ini akan mengakibatkan peningkatan bilangan kelahiran penduduk.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan pada 2020, populasi berusia 60 tahun dan ke atas meningkat daripada 3.4 juta (2019) kepada 3.5 juta yang mewakili 10.7 peratus daripada jumlah penduduk.

Abdul Shukur berkata, kadar penurunan kelahiran sebanyak 4.4 peratus dicatatkan pada suku kedua tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu pada asasnya sudah dijangka akan berlaku.

Beliau berkata, antara faktor menyebabkan pasangan menangguhkan perancangan menimang cahaya mata disebabkan kekurangan wang simpanan (58 peratus), bimbang diri dijangkiti COVID-19 (34 peratus) dan bimbang akses rawatan kehamilan akan terganggu disebabkan situasi pandemik

(32 peratus).

Mengulas lanjut, katanya, trend penurunan bilangan kelahiran ini memang memberi impak kepada kadar pertumbuhan penduduk yang mempercepatkan proses penuaan penduduk negara, malah sekiranya trend ini berterusan negara juga akan mengalami kekurangan tenaga buruh pada masa depan.

"Dengan itu, negara perlu bergantung kepada tenaga kerja asing bagi mengatasi kekurangan tenaga buruh tempatan. Bagaimanapun, menjelang 2050, kebanyakan negara sumber tenaga kerja asing seperti India, Bangladesh, Filipina dan Myanmar akan turut mengalami proses penuaan penduduk dan kekurangan tenaga buruh tempatan," katanya.

Berikut itu, Abdul Shukur berkata, keadaan ini akan memaksa negara sumber mengekalkan

pekerja tempatan mereka daripada berhijrah ke negara luar seperti Malaysia.

"Sebagai persediaan menjadi negara menua, penting bagi Malaysia meminimumkan ketidaksepadaan antara kemahiran dimiliki dengan pekerjaan dilakukan penduduk di negara ini, malah sejak berlaku pandemik COVID-19, jurang ketidaksepadaan ini semakin ketara," katanya.

Abdul Shukur berkata, berdasarkan statistik terkini dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan siswazah menganggur meningkat 22.5 peratus iaitu daripada sekitar 165,200 orang pada 2019 kepada kira-kira 202,400 orang pada 2020.

"Pada tempoh sama, dilaporkan peratusan siswazah bekerja dalam kategori mahir berkurang sebanyak 0.8 peratus, manakala mereka yang bekerja dalam kat-

egori separuh mahir sebaliknya meningkat 19.3 peratus, terutama bagi pekerjaan perkhidmatan dan jualan, operator loji serta mesin dan pemasangan," katanya.

Sementara itu, katanya, hasil kajian LPPKN pada 2018 mengunjurkan negara berpotensi mengalami penguncupan penduduk kali pertama pada 2072.

"Melalui kajian ini, diunjurkan penduduk negara akan kekal bertambah sehingga mencecah jumlah maksimum 46.09 juta orang pada 2071 sebelum mula berkurang kepada 46.08 juta orang pada 2072," katanya.

Bagaimanapun, Abdul Shukur berkata, terdapat kemungkinan negara mengalami penguncupan penduduk lebih awal jika bilangan kelahiran menurun berterusan pada masa depan kesan penularan pandemik COVID-19.

TakoyakiBro tawan selera komuniti Putrajaya



AINI MAWAWI

LEBIH setahun negara bergelut dengan pandemik COVID-19, ramai yang kehilangan sumber pendapatan sehingga sebahagian besar daripadanya hilang semangat untuk bangkit meneruskan kehidupan.

Tidak terus hanyut dibuai kesedihan, warga muda Putrajaya yang pernah jatuh dilihat kembali melangkah dengan mengusahakan gerai TakoyakiBro di sekitar Putrajaya di bawah inisiatif Wilayah Bebas Berniaga, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Turut dibantu Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kelulusan sewa tapak secara percuma sehingga Disember 2021 melalui Program Penjaja Kecil Sementara (PKS) Wilayah Bebas Berniaga, ternyata ia memudahkan lagi per-



MAHMOOD FAKHREEN

jalan golongan terkesan.

Sehingga kini, terdapat tujuh buah gerai TakoyakiBro di sekitar Putrajaya yang secara tidak langsung membantu golongan anak-anak muda serta mereka yang kehilangan pendapatan akibat COVID-19 menjana pendapatan melalui program francis.

Menurut Pengasas bersama TakoyakiBro, **Mahmood Fakhreen Mohd Zahid**, pihaknya berbesar hati dapat turut sama membantu mereka yang memerlukan dengan menyediakan paket khas tanpa caj kepada tujuh peniaga tersebut.

"Kita faham dalam situasi hari ini modal merupakan kekangan untuk seseorang memulakan perniagaan. Jadi, kita mengambil

keputusan untuk tidak mengenakan caj deposit. Kebiasaan untuk permulaan, peniaga perlu membayar sebanyak RM3,190," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kesemua peniaga tersebut turut dibekalkan



SESI pembukaan gerai TakoyakiBro di Presint 9, Putrajaya baru-baru ini.

dengan kelengkapan lengkap seperti khemah, dapur gas, bahan mentah dan sebagainya yang membolehkan mereka terus bermiaga.

"Kita berharap dengan kesempatan yang diberikan oleh semua pihak ini, para peniaga dapat menggunakan peluang keemasan ini sebaiknya untuk mengubah kehidupan kearah yang lebih baik lagi.

"Jika bermiaga dengan penuh dedikasi, besar kemungkinan

mereka boleh mendapat keuntungan bersih sekitar RM150 hingga RM200 sehari memandangkan TakoyakiBro ini mempunyai permintaan yang tinggi," ujar beliau.

Mengulas tentang TakoyakiBro, Mahmood berkata, keistimewaanannya terletak pada keenakan sos, tepung, mayonis serta perapan ayam yang dihasilkan secara 'homemade' berbanding produk takoyaki lain.

Gerai TakoyakiBro yang terle-



KEENAKAN TakoyakiBro menjadi pilihan ramai.

tak di Presint 9, Presint 2, Laman Perdana serta Presint 5 beroperasi setiap hari bermula seawal pukul 7 pagi hingga 7 malam.

"Selain di Putrajaya, TakoyakiBro juga turut membuka francis di sekitar negeri Perak dan Hulu Selangor. Insya-Allah kita juga dalam perbincangan untuk meluaskan lagi perkhidmatan TakoyakiBro di sekitar Kuala Lumpur," ujar beliau kepada Wilayahku. WK

Pending Perak' lambang utama PICC

GAH. Tahukah anda idea rekaan Putrajaya International Convention Centre (PICC) yang terletak di Presint 5, Putrajaya dilhamkan daripada bentuk 'Pending Perak' yang merupakan tali pinggang pa-

kaian rasmi Yang di Pertuan Agong. Menarik bukan?

Selain daripada itu, bangunan yang dibina dari tahun 2001 dan siap pada September 2003 ini juga setanding dengan pusat-pusat

persidangan antarabangsa yang terdapat di serata dunia seperti di London, Tokyo dan Paris.

Meliputi kawasan seluas 135,000 meter persegi, atau kira-kira 1.3 juta kaki persegi, PICC mampu menam-

pung sehingga 10,000 orang dalam satu-satu masa dengan lebih 57 dewan dan bilik-bilik kecil sedia ada untuk diguna.

Persidangan pertama yang dilangsungkan disini ialah Pertubuhan

Persidangan Islam (OIC) yang ke-10. Selain itu, di PICC juga pernah diadakan Pertandingan Bunga Api Antarabangsa Malaysia (MIFC) pada tahun 2007 dan 2008.

WK



PENDING Perak.



Pending Perak' lambang utama senibina bumbung PICC.



MAKLUMAN

Sukacita dimaklumkan Taman-taman Awam Putrajaya dibuka kepada orang awam bermula pada **16 Ogos 2021**.

Aktiviti riadah seperti jogging, berbasikal dan bersenam hendaklah dilakukan secara individu dengan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan.

Taman dibuka pada setiap hari dari jam 7.00 pagi hingga 7.00 petang.

Sekian dan harap maklum.

Perkhidmatan awam tidak terjejas - KSN

PERKHIDMATAN Awam negara tidak akan terkesan dengan situasi semasa negara, sebaliknya terus menggalas amanah dipertanggungjawabkan.

Ketua Setiausaha Negara (KSN), **Tan Sri Mohd Zuki Ali**, berkata ia berikutan kerjasama serta kesefahaman kukuh dan jitu antara setiap agensi kerajaan menjadi kunci utama kejayaan bagi setiap pelaksanaan program dan inisiatif sedia ada.

Katanya, beliau melihat dan merasai sendiri bagaimana komitmen dan dedikasi pelbagai pihak terutama penjawat awam yang bertugas tanpa kenal erati penat lelah dalam memastikan usaha kerajaan membendung serta melandaikan keluk jangkitan COVID-19 yang diharungi bersama lebih setahun lalu.

"Penjawat awam akan terus menggalas amanah yang

dipertanggungjawabkan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan berpegang teguh kepada ikrar Perkhidmatan Awam dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara.

"Dalam mendepani situasi semasa, saya memberi jaminan bahawa Perkhidmatan Awam sentiasa memberikan komitmen penuh dalam memastikan sistem penyampaian kerajaan tidak terjejas berteraskan dasar semasa Kerajaan," katanya dalam kenyataan, pada Isnin.

Mohd Zuki berkata, urusan pentadbiran sehari-hari akan terus diterajui oleh Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan seperti biasa manakala anggota keselamatan terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera

Malaysia (ATM) sentiasa dalam keadaan siap siaga bagi menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Beliau berkata, segala usaha, bantuan dan inisiatif membabitkan peruntukan yang besar pula tidak akan terjejas demi kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat, terutama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang menjadi senjata ampuh dalam melawan pandemik COVID-19.

"Perkhidmatan Awam komited mendukung konsep '*neutrality*' dan '*government of the day*' berlandaskan '*rule of law*'. Jentera kerajaan sentiasa sedaya upaya melaksanakan semua dasar yang diputuskan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik kepada rakyat terutama dalam tempoh yang sangat mencabar ini," katanya. **WK**



URUSAN pentadbiran sehari-hari akan terus diterajui oleh Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan seperti biasa.



PENJAWAT awam akan kekal bebas tanpa sebarang ideologi politik dalam meneruskan khidmat menjaga kesejahteraan negara.

Penjawat awam tidak dipengaruhi ideologi politik - CUEPACS

PENJAWAT awam akan terus memberi perkhidmatan berkualiti dan berkesan untuk rakyat serta negara bersandarkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Mustafa Billah Shah.

Menurut presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) **Adnan Mat**, penjawat awam akan kekal bebas tanpa dipengaruhi sebarang ideologi politik dalam meneruskan khidmat menjaga



ADNAN

kejayaan negara secara menyeluruh di bawah payung institusi diraja.

"Perkhidmatan awam adalah tonggak kepada pentadbiran kerajaan dan perlu bertindak secara profesional.

"Penjawat awam perlulah bijak mendepani cabaran dan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko serta sentiasa di lapangan untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat tidak terjejas terutama dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19," katanya dalam

kenyataan Isnin.

Dalam pada itu, susulan peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri, Adnan berkata CUEPACS menzahirkan settinggi-tinggi penghargaan kepada beliau dan barisan Jemaah Menteri serta berharap kerajaan baharu akan terus menjalankan amanah serta tanggungjawab kepada rakyat dan negara.

Beliau berkata adalah menjadi tanggungjawab untuk memberi keutamaan kepada rakyat dan negara terlebih dahulu daripada kepentingan lain, tidak kira apa jua kerajaan yang memerintah. **WK**

PDRM beri jaminan keselamatan, ketenteraman negara

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) akan mengambil tindakan tegas terhadap individu yang menimbulkan hasutan dan menggugat ketenteraman awam.

Ketua Polis Negara **Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani** berkata, berdasarkan situasi semasa politik negara, pihaknya memberi jaminan bahawa keselamatan dan ketenteraman awam negara terkawal.

"Orang ramai diminta tidak gusar dan membuat sebarang spekulasi kerana PDRM akan memastikan keselamatan negara kekal berada pada tahap selamat serta meningkatkan pemantauan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

"PDRM juga sentiasa memantau scenario keselamatan semasa dan akan mengambil tindakan tegas jika terdapat mana-mana pihak menggunakan apa jua medium yang boleh menimbulkan hasutan dan menggugat ketenteraman awam," katanya dalam satu kenyataan



ACRYL SANI

hari ini.

Hari ini, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan seluruh Jemaah Menteri mengumumkan peletakan jawatan dalam Kabinet.

Muhyiddin membuat pengumuman itu selepas menghadap Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara, berhubung kedudukannya sebagai ketua kerajaan.

Bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong berkenan supaya Muhyiddin menjalankan tugas sebagai 'caretaker' sehingga Perdana Menteri baharu dilantik.

Sementara itu, Acryl berkata, orang ramai diminta sentiasa mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam menjalani kehidupan harian sebagai usaha bersama membendung penularan wabak COVID-19.



PDRM akan sentiasa memantau keselamatan negara dan orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berkenaan situasi semasa politik negara.

Aidil cabar diri ke Piala Dunia

Atlet berbasikal pernah hilang ingatan akibat sukan ekstrim

Info Kejayaan Muhammad Aidil

- 2018** - Siol International Mountain Bike Challenge 2018 Asian MTB Series, Sarawak - Tempat ke-3 (Kategori Terbaik atlet berbasikal Malaysia)
- 2017** - Mtb coupe du japan Yawatahama Japan - Tempat ke-8 (Kategori bawah 23 tahun)
- 2017** - Asian Mountain Bike Series Manila Philippines - Penyertaan
- 2017** - MPAJ Tekas XCO Race, Ampang - Penyertaan



AINI MAWAWI

HAMPIR lima tahun aktif dalam sukan berbasikal bukit, atlet Wilayah Persekutuan, **Muhammad Aidil Taufed Afendi**, 22, beruntung kerana terpilih menyertai kelab berbasikal Singapura, Burgeon MTB Racing Team.

Melalui kelab tersebut, dia berpeluang menyertai pelbagai kejohanan di seluruh dunia antaranya Jepun, Filipina dan Brunei sekali gus berpeluang menimba banyak pengalaman berharga.

Ujar atlet sukan ekstrim ini, peluang yang diperoleh tersebut digunakan sebaik-baiknya untuk mencapai cita-citanya bergelar atlet berbasikal profesional dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Alhamdulillah perjalanan ke arah itu dipermudahkan namun

perlu usaha yang lebih keras lagi. Saya tidak mahu ia terhenti begitu sahaja kerana sukan ini merupakan masa hadapan saya," ujarnya yang bercita-cita tinggi untuk menyertai Piala Dunia.

Berpeluang menjelajah serata dunia, Aidil teruja setiap kali ingin menyertai kejohanan sehingga dia sanggup menghabiskan masa sehari suntuk menjalani latihan berbasikal.

"Jika kejohanan tersebut melalui kelab, saya akan ke Singapura untuk berlatih dan jika anjuran Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) saya akan berlatih di sekitar Putrajaya dan Kuala Lumpur sahaja," katanya.

Mengakui banyak cabaran yang perlu dilalui dalam sukan yang amat memerlukan stamina ini, dia bagaimanapun pernah mengalami kecederaan serius sehingga hilang ingatan seketika

apabila kepalanya terhempas.

"Ketika itu saya menyertai Kejohanan MPAJ Texas XCO Race di Bukit Indah Ampang pada tahun 2017. Mujurlah selepas dua jam ingatan kembali pulih biarpun tubuh teruk cedera. Lebih dua minggu saya terpaksa berehat daripada berbasikal," ceritanya.

Menganggap apa yang berlaku sebagai cabaran yang menguji kekuatan fizikal dan mentalnya, Aidil bagaimanapun tidak pernah serik untuk mencabar dirinya menjadi lebih berani pada masa hadapan.

"Kalau dah minat, apapun cabaran yang datang pasti kita tempuh dengan hati terbuka. Lagi pula sukan seperti ini amat popular dalam kalangan orang muda kerana ia dapat mencabar hormone adrenalin," ujarnya lagi. **WK**



ATLET muda berjiwa besar.

Olimpian Tokyo dapat makan percuma seumur hidup di Teh Tarik Place



DEEL ANJER

PENGORBANAN dan sumbangan atlet negara di Sukan Olimpik Tokyo mendapat penghargaan istimewa daripada Teh Tarik Place apabila restoran tempatan itu mengumumkan pemberian teh tarik dan makanan percuma buat semua atlet

terlibat, seumur hidup. Menurut Pengurus Eksekutif Techna-X, **Tunku Naquiyuddin Tuanku Ja'afar**, pengorbanan semua atlet harus dihargai.

"Kami ingin menyampaikan satu pesanan kepada semua atlet Malaysia bahawa kami tetap mengakui pengorbanan, semangat, dedika-



TUNKU NAQUIYUDDIN

si dan kesukaran yang ditunjukkan sepanjang Sukan Olimpik berlangsung.

"Objektif kami adalah untuk memberi sokongan selesa lepas mereka balik ke tanah air. Apa yang akan kami beri kepada mereka adalah teh tarik dan makanan percuma untuk seumur hidup," katanya. Beliau turut berharap usaha Teh Tarik Place ini menjadi contoh kepada pihak lain untuk menghargai jasa para atlet negara.

"Kami berharap lebih banyak syarikat lain tampil untuk memberikan sumbangan kepada atlet-atlet yang telah mengharumkan nama negara ini di persada dunia pada temasya Olimpik 2020 lalu," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Craveat International (kumpulan syarikat milik Techna-X Berhad), **Lee Yew Jin** mengaku sangat mengagumi semangat para atlet yang bertungkus lumus bersaing di temasya antarabangsa itu.

"Kami sangat menghormati kesungguhan dan disiplin mereka mengu-

sai pertandingan serta prestasi ditunjukkan mereka adalah satu pencapaian besar," ujar beliau.

Terdahulu, Malaysia berjaya membawa pulang satu perak dan sa-

tu gangsa masing-masing menerusi jaguh berbasikal negara, Datuk Azizulhasni Awang serta beregu badminton lelaki, Aaron Chia-Soh Wooi Yik. **WK**



TEH Tarik Place mempunyai lebih 14 cawangan di seluruh negara dan dua di Brunei.



WEBINAR
PEMBANGUNAN KEJURULATIHAN
WIPERS

OGOS – DISEMBER 2021

LIVE ON 

www.wipers.gov.my

MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN

official_msdp.wipers

@MSWP_WIPERS



Aidil
cabar diri
ke Piala
Dunia
►23

Peniaga bersyukur dibenar beroperasi

HAZIRAH HALIM

KEPUTUSAN kerajaan membenarkan sektor ekonomi dibuka secara berperingkat terutama di kawasan yang masih berada di dalam Fasa 1, Pelan Pemulih Negara (PPN) di sambut penyuksuran.

Bagi mereka, keputusan itu melegakan kerana ia dapat membuka peluang mencari rezeki dan seterusnya mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan daripada kerajaan sekaligus dapat merancakkan semula sektor ekonomi di Kuala Lumpur.

Pengusaha Joe's Barbershop Wangsa Maju, **Mohammad Luqman Yunus**, 27, menyifatkan pengumuman itu amat melegakan dan beliau telah membuat persiapan awal mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

“Secara keseluruhan, operasi kedai akan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang baharu dan sebelum beroperasi, kami akan membersihkan kedai, peralatan, sanitasi seluruh premis untuk memastikan kebersihan serta menjaga keselamatan pelanggan.

“Untuk pekerja pula, kami diwajibkan untuk memakai alat perlindungan diri (PPE), pelitup muka dan sarung tangan sebelum melakukannya kerja penguntingan



MOHAMMAD LUQMAN



SURIANI

rambut,” katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Mohammad Luqman berkata, beliau amat mementingkan keselamatan pelanggan dan memastikan bahawa operasi harian kedai tersebut tidak menjadi punca kepada penyebaran kluster virus tersebut.

“Mereka tidak akan berkongsi dan menggunakan cutting cape yang sama, sarung tangan dan apron sebaliknya memakai set pakai buang bagi mengelakkan jangkitan dalam kalangan mereka.

“Kami juga akan meminta pelanggan berada di luar kedai untuk kami lakukan sanitasi dalam premis serta peralatan yang telah digunakan sebelum menerima pelanggan baharu,” katanya yang sudah berkhidmat 13 tahun dalam industri ini.

Menurut Mohammad Luqman, pihaknya hanya akan menerima pelanggan

yang telah melengkapkan vaksinasi dua dos sahaja bagi mengelakkan jangkitan virus itu terhadap pekerja dan pelanggannya.

“Buat masa ini, kami terima pelanggan daftar terus dan temujanji. Kalau daftar terus, kami akan memeriksa sijil vaksin terlebih dahulu. Begitu juga temujanji, kami akan menyemak aplikasi MySejahtera,” jelasnya lagi.

Sementara itu, pemilik butik pa-



BUTIK pakaian Surigallery pemilik Suriani Salasim yang terletak di Setapak Central Mall, Kuala Lumpur mula beroperasi Rabu lalu.

kaian Suriagallery, **Suriani Salasim**, 49, berkata penambahan SOP baharu tidak memberi kesan besar kepada persiapan pembukaan kedainya.

“Kami masih mengelakkan SOP yang lama dengan meletakkan cairan sanitasi tangan dihadapan pintu masuk kedai, imbasan MySejahtera.

“Sebagai pengusaha, keselamatan pekerja dan pelanggan adalah dibawah tanggungjawab saya. Untuk itu, saya akan memastikan pekerja saya melengkapkan dua dos vaksin sebelum memulakan operasi,” katanya.

Suriani berkata, aspek pematuhan terhadap SOP termasuk penjarakkan fizikal dititik beratkan bagi mengelakkan sentuhan dan ke-

masuklah menyemak status profil MySejahtera.

“Jika seseorang pelanggan sudah melengkapkan dos kedua vaksin, kami akan memberikan kebenaran untuk masuk dan jika seseorang pelanggan tidak lengkap dua dos vaksin, maka kami terpaksa menghalang mereka untuk masuk ke dalam premis,” katanya.

Suriani memberitahu, pihaknya akan membekalkan sarung tangan kepada setiap pelanggan dan mereka tidak di benarkan untuk mencuba pakaian tersebut.

“Pelanggan perlu mengukur saiz terlebih dahulu supaya mudah untuk membeli membeli tanpa perlu mencuba pakaian yang diperagakan,” katanya.

Sebelum ini kerajaan telah mengumumkan kira-kira 11 sektor ekonomi dibenarkan beroperasi semula berkuatkuasa pada 16 Ogos lalu dan operasi hariannya hanya ditumpukan kepada individu yang telah melengkapkan dua dos vaksin selepas 14 hari menerima vaksin ke dua.

Beroperasi di Kompleks Beli Belah, Setapak Central sudah pasti aspek pematuhan SOP amat dititik beratkan oleh pihak pengurusan tidak menjadikan Suriani mengambil sambil lewat mengenai perkara tersebut.

“Walaupun pusat membeli belah mewajibkan semakan terhadap status MySejahtera untuk setiap pelanggan, kami turut mengambil langkah yang sama ter-

kenyatakan untuk beroperasi. WK

Puteri Sarah tidak kisah dikecam, mahu terus beramal

DEEL ANJER

SELEBRITI popular Puteri Sarah Liyana cukup popular dalam lapangan kerja kebajikan. Kini isteri kepada pelakon dan pengarah Syamsul Yusof itu menyertai Sukarelawan Wilayah Prihatin (PriVo) kerana mahu lebih aktif dalam kerja-kerja amal.

Walaupun ramai yang memuji dan mendakwa Sarah sebagai inspirasi, namun ada sesetengah netizen tetap melontarkan komen-komen negatif kepadanya.

Mengaku lebih selesa untuk tidak memikirkannya, Sarah yang sentiasa berfikir positif menyatakan dirinya sangat teruja dan gembira membuat kerja amal.

Malah, fikiran yang positif itu membantunya mengatasi segala kecaman yang dilemparkan.

“Saya pun antara selebriti yang tidak terlepas daripada dikecam walaupun buat perkara-perkara kebajikan membantu masyarakat. Entahlah, saya pun pelik buat baik pun kena kecam.



PUTERI SARAH LIYANA

“Ada yang cakap jangan nak perasan jadi seperti Ebit Lew sebab selalu buat kerja amal. Biarlah apa orang mahu cakap,” katanya yang kesal apabila perbuatan baik disalah erti.

Tidak menghiraukan kecaman seumpama itu, Sarah menyatakan, dia tahu setiap langkah yang diambil dan Allah juga mengetahui niat murninya adalah untuk membantu golongan susah serta miskin bandar.

“Allah tahu niat saya. Saya buat ini untuk kepuasan diri, dalam masa sama membantu mereka yang memerlukan.

“Apa orang luar nak cakap, biarlah. Sekurang-kurangnya saya dapat sedikit sebanyak meringankan beban masyarakat melalui aktiviti sukarelawan ini,” ujar Sarah ketika menyertai program Jejak Prihatin baru-baru ini bersama PriVo di Perumahan Awam Desa Rejang, Kuala Lumpur.

Dalam program tersebut, Sarah menyentuh ‘buah tangan’ daripada bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar

Musa, kepada penduduk yang memerlukan.

Dalam pada itu, pemilik nama sebenar Puteri Sarah Liyana Megat Kamaruddin, 35, ini juga berterima kasih kepada Pengarah PriVo, Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiyah yang membuka peluang kepadanya.

“Terima kasih kepada Datuk Irwan kerana memberikan saya peluang untuk menyantuni masyarakat melalui program Jejak Prihatin ini.

“Peluang ini sebenarnya menjadikan skop kerja amal saya semakin luas kerana bekerjasama dengan PriVo.

“Saya harap program Jejak Prihatin boleh membantu meringankan beban masyarakat. Saya sedar, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang agak lama ini, pasti ramai yang terkesan.

“Kepada PriVo, dalam melakukan tugas, jangan lupa sentiasa patuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan kerajaan,” ujarnya lagi.

Dalam pada itu, Sarah menyentuh orang ramai yang ingin menyertai PriVo, melarvi laman sesawang yayasanwp.org/privo. WK